



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	[Ruangan 1]
Mengangkat Sumpah	[Ruangan 1]
Memperkenankan Akta-akta	[Ruangan 1]
Perutusan Daripada Dewan Negara	[Ruangan 2]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 3]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	[Ruangan 21]
Memilih Timbalan-timbalan Yang di-Pertua:	
(1) Y.B. Tuan Ong Tee Keat	
(2) Y.B. Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin	[Ruangan 21]
Jawatankuasa Pemilih bagi Parlimen Kesembilan – <i>Lantikan Ahli-ahli</i>	[Ruangan 22]
Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kesembilan – <i>Lantikan Pengerusi dan Naib Pengerusi</i>	[Ruangan 23]
Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 – <i>Melanjutkan Tempoh Kuatkuasa</i>	[Ruangan 23]
Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)</i>	[Ruangan 57]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).

Yang Berhormat TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).

- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).

Yang Berhormat DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jejebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib.

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 12hb Jun, 1995***Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***PEMASYHURAN
TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 8hb Jun, 1995, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

(Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti di lampiran)

MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, Ahli Parlimen bagi kawasan Jasin telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 8hb Jun, 1995.

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1995;
(Akta A906)
2. Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995);
(Akta 1995)
3. Akta Kewangan 1995;
(Akta 531)
4. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995;
(Akta 532)
5. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995;
(Akta 533)
6. Akta Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1995;
(Akta 534)
7. Akta Tabung Haji 1995;
(Akta 535)
8. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1995;
(Akta A908)
9. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1995;
(Akta A909)
10. Akta Pencolekan (Pindaan) 1995;
(Akta A910)
11. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1995;
(Akta A911)
12. Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1995;

13. Akta Penghutang (Pindaan) 1995;
14. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1995;
15. Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan);
16. Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1995;
17. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah (Pindaan) 1995;
18. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Pindaan) 1995.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA KEPADA DEWAN RAKYAT

"29hb. Disember 1994.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1995;
2. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1994;

3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (No. 2) (1994) 1994;
4. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994;
5. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994;
6. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah (Pindaan) 1994;
7. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Pindaan) 1994;
8. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1994;
9. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1994;
10. Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994;
11. Rang Undang-undang Penghutang (Pindaan) 1994;
12. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1994;
13. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994;
14. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994;
15. Rang Undang-undang Pencolekan (Pindaan) 1994;
16. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2) 1994;

17. Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 1994;
18. Rang Undang-undang Tabung Haji, 1994.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

“POTASSIUM CYANIDE” —
TINDAKAN DAN SIASATAN KE
ATAS PEMBUANGAN DI PULAU
PANGKOR

1. Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) kedudukan pembuangan sisa toksid “potassium cyanide” di Pulau Pangkor;
- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap syarikat yang membuang sisa tersebut; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk meminda akta alam sekitar dan akta-akta yang berkaitan untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi termasuk hukuman penjara mandatori.

28. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai perkembangan penyiasatan ke atas pembuangan haram 41 drum potassium cyanide di Pulau Pangkor baru-baru ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato’ Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Rompin dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong:

- (a) tapak di mana kejadian pembuangan “potassium cyanide” di Pulau Pangkor telah pun dibersihkan. Kini Jabatan Alam Sekitar masih terus mengawasi persekitaran tapak berkenaan bagi memastikan kawasan ini bebas daripada pencemaran.
- (b) Jabatan Alam Sekitar telah pun selesai menjalankan penyiasatan ke atas kes pelupusan haram “potassium cyanide” di Pulau Pangkor. Fakta-fakta penyiasatan sedang diteliti untuk mendakwa pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini di mahkamah nanti.
- (c) Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah pun mencadangkan pindaan-pindaan bagi meningkatkan penalti bagi kesalahan termasuk berkaitan pelupusan secara haram kepada Jabatan Peguam Negara.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kini kita mendengar banyak pembuangan secara haram sisa toksid ini agak berleluasa, adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan atau mengukuhkan lagi usaha penguatkuasaan supaya sisa-sisa toksid haram ini tidak dibuang begitu sahaja?

Dato’ Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedang mengambil langkah-langkah itu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan Pulau Pangkor mengenai sisa-sisa toksid "potassium cyanide". Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilangan syarikat-syarikat lain yang menggunakan "potassium cyanide" dalam usaha-usaha perkilangan mereka dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui apakah kuasa yang ada pada Kementerian untuk mengawal penggunaan serta mengawal pembuangan sisa-sisa toksid ini oleh kerana ia digunakan dalam "electro plating" dan banyak syarikat kilang menggunakan "potassium cyanide" yang berbahaya itu.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu memerlukan angka dan bilangannya, saya pohon notis.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI/ UNIVERSITI TEMPATAN — MEMPERBADANKAN

2. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional rancangan mengkorporat (corporatization plan) universiti-universiti Kerajaan seperti Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia dan apakah implikasi implikasi rancangan ini terhadap kakitangan dan pelajar-pelajar.

14.6.95

25. **Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai cadangan memperbadankan institusi pengajian tinggi tempatan serta:

- (a) sekiranya cadangan ini dilaksanakan, adakah peruntukan kewangan daripada Kerajaan bagi institusi pengajian tinggi awam tersebut masih tetap seperti biasa; dan

- (b) adakah pihak Kementerian dapat menjamin bahawa yuran pelajar tidak akan dinaikkan apabila institusi pengajian tinggi awam diperbadankan.

15.6.95

33. **Tuan Haji Mohamed bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Akta Universiti dan Kolej Universiti akan dipinda; dan
- (b) tidakkah penswastan Institut Pengajian Tinggi akan memberi beban kepada pelajar-pelajar dari segi yuran pengajian.

20.6.95

44. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah rancangan Kerajaan untuk mendirikan sebuah universiti di Kelantan akan dimulakan memandangkan pengambilan tanah bagi tapak berkenaan telah dibuat lebih dari 10 tahun yang lalu iaitu semasa BN masih memerintah negeri Kelantan;
- (b) cadangan memperbadankan universiti sebagai badan korporat amat baik dari segi imej kualiti dan mengelakkan brain-drain tetapi kenapa perlu dibebankan kepada rakyat. Di manakah fungsi sosial Kerajaan yang sepatutnya menyediakan kemudahan pendidikan; dan
- (c) kenapakah tidak apabila universiti diperbadankan semua aset dinilai semula dan jumlah nilai itu dimasukkan ke dalam satu tabung biasiswa untuk membiayai pelajar miskin terutama dari luar bandar.

21.6.95

16. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah proses memperbadankan institusi pengajian tinggi di negara kita akan dibuat;
- (b) apakah rasionalnya usaha di-sebalik memperbadankan IPT ini; dan
- (c) apakah dengan memperbadankan IPT ini akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan IPT, terutama para pensyarahnya.

45. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar ada rancangan untuk menswastakan Universiti Malaya tidak lama lagi. Jikalau ada, adakah benar bahawa yurannya mungkin akan naik melambung.

53. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) baru-baru ini Menteri mengumumkan bahawa Sekolah Perempuan Bukit Bintang akan dipindahkan ke tapak yang baru untuk memberi laluan kepada syarikat swasta memajukan tanah tersebut dengan alasan tanah tersebut telah dijual atau diswastakan kepada individu atau syarikat-syarikat. Sila kemukakan nama-nama individu atau syarikat yang telah membeli tanah tersebut ataupun telah mendapat tender daripada dasar penswastaan. Sila juga nyatakan berapakah harga tanah tersebut yang telah dijual atau apakah "monetary consideration" dalam pelaksanaan penswastaan ini;

- (b) sebelum tanah Sekolah Perempuan Bukit Bintang ini dijual atau diswastakan kepada individu-individu atau syarikat-syarikat, adakah ia diumumkan melalui Tender Terbuka. Kalau tidak, nyatakan alasannya. Sekiranya ia telah diumumkan melalui Tender Terbuka, sila nyatakan butir-butir mengenainya;

- (c) sebelum Kementerian memberi persetujuan untuk memindahkan Sekolah Perempuan Bukit Bintang, adakah pihak Kementerian membuat sebarang perbincangan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru Sekolah Perempuan Bukit Bintang. Jika tidak, nyatakan alasannya. Jika ia dilakukan, sila maklumkan tarikhnya; dan

- (d) di manakah Sekolah Perempuan Bukit Bintang akan ditempatkan. Sila beri butir-butir terperinci mengenai tapak baru tersebut.

22.6.95

33. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) akan diperbadankan atau diswastakan, apakah kesan baik dan kesan rumit yang dijangkakan oleh Kerajaan dan ibu bapa mereka.

35. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa hasrat Kerajaan menswastakan universiti tempatan dan mewujudkan kolej-kolej swasta:

- (a) apakah jaminan Kerajaan bahawa kemampuan pelajar-pelajar bumiputera mengikuti pelajaran tinggi terjejas;

(b) apakah langkah-langkah Kementerian bagi menjamin matlamat ini universiti lebih diutamakan kualiti pelajaran daripada pulangan keuntungan kepada universiti yang diswastakan itu; dan

(c) apakah Kementerian telah dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar bumiputera telah mampu melakukan persaingan dengan pelajar-pelajar yang bukan bumiputera untuk mendapat tempat dan pelajaran di dalam universiti yang telah diswastakan itu.

28.6.95

16. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) apakah kedudukan tentang pen-swastaan pendidikan tinggi di negara ini; dan

(b) apakah kemajuan tentang pen-swastaan atau "corporatisation" dengan Universiti Malaya.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 10 soalan yang menyentuh isu pengkorporatan universiti-universiti tempatan. Butir-butir Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tersebut ialah Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada hari ini. Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 14 Jun 1995, Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 15 Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 20

Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 21 Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan pada 21 Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 21 Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 22 Jun 1995, Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 22 Jun 1995 dan Ahli Yang Berhormat dari Rompin pada 28 Jun 1995. Saya memohon kesemua soalan ini dijawab serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada prinsipnya Kerajaan telah bersetuju untuk "mengkorporat" dan bukan "menswastakan" universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) awam tempatan. Antara rasional keputusan ini ialah:

(a) membolehkan IPT awam membentuk sistem pengurusan yang lebih fleksibel dan sesuai dengan fungsi-fungsi pendidikan tinggi dan lain-lain seperti penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat;

(b) membolehkan IPT awam menguruskan organisasi dan programnya dengan cara autonomi, komersil tetapi tetap akauntabel kepada "stakeholder" atau pemiliknya, iaitu Kerajaan Malaysia;

(c) cara pengkorporatan membolehkan IPT dikekalkan sebagai organisasi Kerajaan yang bertaraf "non-profit" atau tidak menekankan keuntungan tetapi diuruskan secara komersial dan berdayasaing; dan

- (d) sebagai badan korporat, IPT boleh menetapkan sendiri skim perkhidmatan, kadar imbuhan dan prosedur personel dan kewangan. Ini mungkin membolehkan IPT awam menarik dan mengekalkan tenaga pengajar yang berkualiti dan dapat menguruskan organisasinya dengan lebih efisien dan ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga dijelaskan bahawa pengkorporatan IPT awam tidak bermakna pengawasan dan pengaruh Kerajaan terhadap organisasi dan program universiti-universiti akan dilepaskan. Sebaliknya, dengan penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, semua hal dengan dasar pendidikan tinggi negara seperti dasar kemasukan pelajar, jenis kursus dan penganugerahan diploma dan ijazah, kadar yuran, aspek-aspek akreditasi dan lain-lain berkaitan akan ditentukan oleh Majlis tersebut. Oleh kerana pendidikan di peringkat rendah hingga peringkat tinggi akan terus menjadi tanggungjawab sosial Kerajaan Persekutuan, semua aspek pendidikan tinggi akan terus diawasi dan dibantu oleh Kerajaan melalui pelbagai proses gran peruntukan untuk keperluan infrastruktur, program akademik tertentu, penyelidikan, khidmat masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan IPT awam dijangka akan memberi lebih banyak manfaat dari mendatangkan masalah. Sebenarnya Jemaah Menteri akan meneliti keseluruhan cadangan reformasi pendidikan tinggi dalam sedikit masa termasuk soal yuran universiti dan akan membuat keputusan muktamad

selepas itu. Sesungguhnya Kerajaan amat peka kepada masalah yuran yang tidak seharusnya membebankan orang ramai terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah.

Apa yang saya sebutkan sebentar tadi adalah hanya beberapa aspek cadangan tersebut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu kesan langsung yang telah pun disuarakan oleh mereka yang terlibat dengan institusi pengajian tinggi sekarang berhubung dengan pengkorporatan institusi pengajian tinggi ini ialah kenaikan kadar yuran yang akan dikenakan kepada penuntut-penuntut. Apakah Kerajaan sudah memikirkan satu cara bagaimana selain daripada kawalan yang terdapat melalui Majlis yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, cara-cara lain yang akan ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa yuran tidak akan naik terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, oleh kerana kenaikan yuran yang terlalu tinggi ini barangkali akan memberi kesan yang besar kepada penuntut-penuntut terutamanya penuntut luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula sistem biasiswa yang sekarang ini sudah hampir luput daripada skim Kerajaan diganti dengan skim pinjaman. Apakah sebagai menampung masalah yang akan timbul nanti memperkenalkan suatu sistem baru di mana biasiswa secara meluas akan diberitahu kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar luar bandar.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah menjawab tadi, soal kenaikan yuran ini amat disedari oleh Kerajaan dan setakat ini belum ada apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan. Apa yang timbul ialah pengetahuan umum mengenai cadangan awal peringkat universiti tetapi itu setakat cadangan sahaja dan belum diterima oleh Kerajaan. Dan insya-Allah Kerajaan akan menentukan cara mana yang sebaik mungkin memberi perlindungan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Tentang sama ada biasiswa dan pinjaman biasiswa secara menyeluruh akan dilaksanakan, sebenarnya dasar Kerajaan ialah lebih mengutamakan soal pinjaman.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri baru-baru ini telah berbilang masalah bagaimana pelajar-pelajar Melayu gagal untuk dapat memasuki universiti-universiti termasyhur di United Kingdom, Cambridge dan universiti lain, masalah-masalah tersebut dan oleh kerana hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pengajian tinggi yang unggul, adakah plan-plan tertentu dalam usaha untuk mengkorporatkan Universiti Malaya dan USM supaya kedua-dua universiti ini boleh menjadi universiti-universiti terkenal dalam dunia oleh kerana pencapaian akademik dan oleh kerana ada laporan-laporan bahawa cadangan-cadangan untuk mengkorporatkan kedua-dua universiti ini melibatkan kenaikan yuran sehingga lapan kali. Adakah satu had atau satu ceiling ditentukan oleh Kabinet supaya apa yang tertinggi tidak boleh melebihi dan adakah hasrat untuk melepaskan universiti selepas dikorporatkan daripada UUCA?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, soal yuran saya telah jawab tadi. Soal hendak menjadikan Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia sebagai di antara yang terkemuka di peringkat antarabangsa, memang benar kita akan bergerak ke arah itu. Soal universiti UUCA, sebarang universiti masih tertakluk kepada Akta ini.

NELAYAN DI NEGERI SARAWAK — MEMPERTINGKATKAN PENDAPATAN DAN TARAF HIDUP

3. Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Pertanian menyatakan tentang pendekatan baru yang akan diambil untuk mempertingkatkan pendapatan dan memperbaiki kehidupan para nelayan di negara ini, khususnya di Sarawak, di mana mereka masih jauh lebih mundur jika dibandingkan dengan sektor pertanian lain.

Menteri Pertanian (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar bahawa kedudukan nelayan di negara ini khususnya di negeri Sarawak agak ketinggalan jika dibandingkan dengan sektor pertanian yang lain. Justeru itu, Kementerian Pertanian telah merancang strategi dan penekanan khusus ke arah meningkatkan pendapatan dan taraf hidup nelayan termasuk di negeri Sarawak. Antaranya ialah:

- (a) mempertingkatkan aktiviti pemuliharaan dan pengurusan sumber diperairan pantai termasuk Sarawak bagi memastikan sumber perikanan sentiasa terpelihara dan tidak terjejas. Untuk tujuan tersebut pembinaan tukun-tukun tiruan akan dipertingkatkan. Taman Laut di Sarawak akan

ditubuhkan dan aktiviti pengawalseliaan sumber di perairan pantai Sarawak akan dipergiatkan. Selain daripada itu, pembinaan unjam-unjam di perairan pantai akan terus dipergiatkan untuk menambahkan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan. Daripada projek unjam-unjam yang telah dilaksanakan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa projek tersebut telah berjaya meningkatkan pendapatan nelayan yang terlibat sehingga 92.5%;

- (b) mempergiatkan pembangunan perikanan laut dalam bagi membolehkan nelayan-nelayan tradisi menceburinya untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik. Untuk tujuan tersebut, khidmat sokongan dan galakan melalui kemudahan pinjaman seperti Skim Pinjaman Khas Pertanian melalui Bank Pertanian turut disediakan;
- (c) khidmat sokongan bagi membantu kemajuan industri perikanan terus dipertingkatkan. Antaranya ialah pembinaan jeti-jeti yang serba lengkap dan teratur bagi kemudahan nelayan mendaratkan hasil tangkapan manakala pembinaan kompleks-kompleks perikanan pula selain daripada untuk kemudahan pendaratan ianya juga turut menyediakan kemudahan lelongan dan pemasaran hasil perikanan;
- (d) pembangunan akuakultur (ternakair) juga turut diberi penekanan. Khidmat sokongan dan kemudahan infrastruktur akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Para nelayan digalakkan menceburi bidang ini yang

ternyata dapat memberikan hasil yang lumayan. Agensi-agensi di bawah Kementerian seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memperluaskan projek-projek akuakultur bagi memberi peluang lebih ramai nelayan menyertai bidang ini. Sementara itu, sebuah pusat latihan ternakair juga telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Sarawak;

- (e) memesatkan aktiviti pemindahan teknologi dalam bidang penangkapan ikan dan pengendalian lepas tuai melalui peningkatan aktiviti kursus dan latihan. Kemudahan dan keupayaan 5 buah pusat pengembangan laut Sarawak juga akan dipertingkatkan;
- (f) selain daripada itu, program pembangunan masyarakat nelayan akan dipertingkatkan untuk menyediakan kemudahan asas di perkampungan nelayan. Selain daripada itu langkah-langkah positif ke arah meningkatkan pendapatan keluarga nelayan turut diberikan penekanan melalui kursus-kursus kemahiran dan keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk membolehkan keluarga nelayan menceburi bidang-bidang seperti industri pemerosesan, kraftangan, perniagaan dan industri agro-tourism, dengan izin; dan
- (g) memperluaskan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) melalui peningkatan peruntukan, bilangan peserta serta aktiviti ekonomi yang berdaya maju.

Puan Rohani binti Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perancangan Kementerian bagi menggalakkan pihak korporat dan SEDC-SEDC di peringkat negeri untuk menceburi dalam bidang perikanan supaya ianya lebih kompetitif khasnya dalam 'deep sea fishing', dengan izin.

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini merupakan satu cara pendekatan baru yang akan kita beri penekanan iaitu penglibatan syarikat yang besar-besar untuk menjadikan industri perikanan laut dalam sebagai satu industri yang berjaya.

Mengenai badan-badan ekonomi negeri seperti SEDC, saya tidak tahulah di negeri lain, tetapi di negeri Sarawak nampaknya, memang ada satu usaha dibuat oleh pihak SEDC Sarawak, tetapi dukacitanya ianya tidak begitu berjaya dan saya difahamkan ia disebabkan oleh perancangan yang kurang rapi. Walau bagaimanapun kalau ada daripada badan-badan seperti ini berhasrat mengambil bahagian kita tidak ada halangan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji dan seterusnya meminda Akta Persatuan Nelayan khasnya Seksyen 11, mengenai syarat-syarat menjadi ahli supaya membolehkan ahli-ahli korporat dan ahli-ahli profesional menjadi ahli persatuan nelayan di mana kemasukan mereka ini sudah tentu sedikit sebanyak akan dapat memajukan persatuan nelayan dan seterusnya meninggikan taraf hidup nelayan di seluruh negara?

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, kita akan Akta tersebut mengkaji dan seterusnya kalau sekiranya penglibatan mereka ini akan membawa manfaat dan kemajuan kepada nelayan, kita akan memindanya.

PEMESONGAN AKIDAH — SIASATAN

4. Datuk Abu Seman bin Haji Yusop minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada pihak polis atau mana-mana agensi Kerajaan yang berkaitan menjalankan siasatan ke atas pemimpin-pemimpin politik yang telah menyebarkan maklumat yang memesongkan akidah dan memecah-belahkan umat Islam; dan
- (b) jika ada, sila beri perkembangan terkini berkenaan dengan siasatan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jawapan kepada soalan (a) dan (b) adalah seperti berikut:

Kerajaan sentiasa peka dan mengikuti perkembangan di kalangan pemimpin-pemimpin politik yang menyebarkan maklumat bukan sahaja untuk memesongkan akidah tetapi juga boleh memecah-belahkan umat Islam.

Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Khas untuk menangani masalah ini dan jawatankuasa kecil ini pada masa ini sedang menerima dan mengumpulkan bahan-bahan daripada orang ramai, pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensi Kerajaan yang bersangkutan-paut dalam hal yang memesongkan akidah juga yang memecah-belahkan umat Islam.

Jawatankuasa ini akan menapis dengan teliti segala maklumat-maklumat tersebut sebelum dikemukakan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab yang lebih arif di dalam perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan akidah dan juga

yang boleh memecah-belahkan umat Islam. Pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka berdasarkan undang-undang yang ada jika terbukti mereka melakukan kesalahan tersebut.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Adakah Kerajaan sendiri bercadang ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri bersedia untuk membenarkan supaya diadakan satu seminar yang melibatkan semua pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin agama bagi membincangkan perkara tersebut sebagai-mana yang pernah dilakukan dalam perkara ekonomi dan lain-lain?

Jika bercadang, bolehkah Yang Berhormat memberi tarikh ataupun jangka masa ianya diadakan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Jawatankuasa Kecil Khas ini kuasanya terhad hanya mengumpul, menapis dan menganalisa semua maklumat-maklumat, setelah kerja-kerja ini dilakukan dan setelah dikemukakan kepada pihak-pihak yang tertentu dan jika pihak tertentu merasakan keperluan seperti mana Yang Berhormat rasakan itu, maka bolehlah di kala itu dipertimbangkan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di samping kelaku-kelaku pemimpin-pemimpin parti pembangkang terutama sekali PAS di dalam menyebarkan sebaran-sebaran yang bertentangan dengan kehendak Islam dan kadang-kadang memecah-belahkan umat Islam itu sendiri, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan tertentu ke atas akhbar *Harakah* yang telah banyak menyebarkan fitnah

dan juga pembohongan di samping ingin memecah-belahkan umat Islam? Saya ingin tahu juga dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa surat khabar *Harakah* ini telah dijual dengan begitu bebas di dalam pasaran sedangkan kita sedia maklum akhbar ini adalah khusus untuk ahli-ahli PAS sahaja dan kini surat khabar *Harakah* ini telah masuk ke sekolah-sekolah dan memesongkan pemikiran kanak-kanak sekolah.

Jadi, adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menghentikan fitnah-fitnah yang karut ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, sebagai Ahli Yang Berhormat yang arif, yang tahu segala kelakuan-kelakuan yang difikirkan boleh menyinggung, boleh mengubah akidah dan sebagainya, saya ingat eloklah dikemas kinikan satu laporan untuk dihantar kepada Jawatankuasa Kecil ini terutama kalau ada gambar-gambar dan video-video untuk kita tapis dan selepas itu barulah kita pertimbangkan.

Bagi perkara yang kedua, memang banyak diperkatakan tentang surat khabar *Harakah* ini tetapi kalau sekiranya ada pihak yang ingin membeli, adalah sukar untuk kita menahan bagi mereka yang membeli. Apa yang kita akan mengambil tindakan, kalau ianya dijual secara terang-terang tetapi kalau dijual secara gelap, dan ada pihak yang membeli, adalah sukar untuk kita mengambil tindakan.

Tentang perkara-perkara yang menyelieweng ini, kita akan kaji dengan teliti.

PENGAWALAN INFLASI — KEBERKESANAN

5. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan pengawalan inflasi memandangkan ia telah meningkat sehingga 3.3% dalam masa setahun sahaja;
- (b) apakah langkah-langkah tambahan Kerajaan selain penguatkuasaan dan pendidikan pengguna untuk menghalang peningkatan kadar inflasi; dan
- (c) apakah faktor yang menyebabkan harga barang tiba-tiba naik dengan begitu mendadak dan menyusahkan rakyat sebaik-baik sahaja selepas Pilihanraya Umum.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, purata Indeks Harga Pengguna Malaysia bagi suku tahun pertama tahun 1993 dan 1994 menunjukkan kadar inflasi negara sebanyak 4.3% manakala kadar bagi tahun ini (1995) sehingga bulan April ialah 3.3%. Ini menunjukkan bahawa walaupun inflasi masih wujud, secara relatif kadarnya telah menurun. Ia adalah hasil dari tindakan-tindakan Kerajaan secara bersepadu untuk memerangi inflasi.

Kerajaan melaksanakan langkah-langkah kewangan (monetary) dan fiskal serta pentadbiran untuk mengawal inflasi. Selain daripada penguatkuasaan dan pendidikan pengguna yang dilaksanakan, kempen anti-inflasi juga sedang dijalankan melalui media massa. Kempen ini telah dilancarkan pada 2hb Jun 1995 oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dengan tema "Inflasi Sifar Sasaran Kita".

Di antara program yang diaturkan bagi penyertaan umum ialah sambutan Hari Inflasi Sifar pada hari Sabtu pertama tiap-tiap bulan. Peniaga-peniaga digalakkan menjual barang-barang keperluan dengan harga yang rendah dan berpatutan pada hari yang berkenaan. Sementara itu pengguna-pengguna pula digalakkan mengunjungi kedai-kedai yang mengambil bahagian dalam program ini dan membuat pembelian secara terancang serta mendapatkan nilai untuk wang yang mereka belanjakan. Kementerian percaya dengan kerjasama semua pihak iaitu pengguna, peniaga dan Kerajaan, kadar inflasi dapat dikawal.

Perubahan harga barang-barang dipengaruhi oleh faktor-faktor bekalan (supply) dan permintaan (demand). Barang makanan menyumbang sebanyak 48% daripada Indeks Harga Pengguna.

Memandangkan permintaan terutamanya bagi barang-barang makanan meningkat semasa musim perayaan selepas Pilihanraya Umum, seperti perayaan Hari Raya Haji dan kenduri kahwin semasa cuti sekolah, sudah pasti membawa kepada peningkatan permintaan.

Walaupun demikian, berasaskan perangkaan harga barang-barang yang dikumpul oleh Kementerian melalui Pusat Maklumat Harga, tidak terdapat sebarang trend kenaikan harga yang begitu mendadak. Kedudukan harga dan bekalan barang-barang keperluan di negara ini adalah terkawal dan pihak Kerajaan akan sentiasa mengawasi serta mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan dijual dengan harga yang berpatutan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Inflasi ini akibat di antaranya kerana

permintaan barang terlalu banyak, supplynya kurang. Perkara yang kedua ialah perkara yang diada-adakan seperti selepas sahaja pilihan raya, tiba-tiba dikatakan gula tidak ada yang menyebabkan harganya naik melambung di sesetengah tempat di kawasan pedalaman. Sebenarnya gula ada setelah diperiksa oleh Kerajaan. Perkara yang ketiga iaitu keupayaan pembeli misalnya kereta dan rumah, naiklah harga berapa pun orang akan beli kerana ikut keperluan dan kemampuan orang yang membeli. Oleh itu, bagaimanakah usaha pihak Kementerian untuk membendung dua perkara ini secara bersungguh-sungguh. Yang pertama diada-adakan untuk menaikkan harga. Yang kedua, keupayaan pembeli

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta jangan buat ucapan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang kedua, keupayaan pembeli iaitu kereta dan rumah, bagaimana hendak membendung kenaikan harga ini secara bersungguh-sungguh dari pihak Kementerian?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab pada keseluruhannya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Pihak Kerajaan mengambil berat tentang kenaikan ataupun niat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menaikkan harga pada keseluruhannya termasuk rumah dan juga kereta. Tentang kereta, baru-baru ini kita telah menentukan bahawa kereta yang dijual dengan aksesori-aksesori adalah aksesori-aksesori yang diluluskan oleh pihak Kerajaan dan pembeli-pembeli kereta itu tidak dipaksa membeli aksesori-aksesori selain daripada senarai yang diluluskan oleh Kerajaan.

Tentang gula, kita telah mengumumkan selepas satu pengawalan bahawa gula itu harganya tidak naik dan pada mulanya bekalannya tidak sampai ke beberapa tempat dan kita telah mengambil tindakan dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang mengeluarkan gula untuk membekalkan gula ke tempat-tempat di mana terdapat kekurangan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, kali yang pertama. Di samping Kerajaan membuat kempen anti-inflasi tetapi pihak korporat lain iaitu bank-bank di negara membuat kempen mengeluarkan kad kredit. Jadi, saya terbaca satu artikel di Amerika, kenaikan inflasi di Amerika oleh kerana penggunaan kad-kad kredit berleluasa. Jadi, apakah tindakan Kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran kad kredit dan menghadkan pengeluaranannya supaya tidak digunakan berleluasa dan mengikut langkah Amerika mendatangkan satu inflasi.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa penggunaan kad kredit adalah sebagai satu perkhidmatan kepada mereka yang menyimpan kad kredit. Apa yang perlu dilakukan oleh pembeli-pembeli adalah untuk menggunakan kad kredit untuk membeli barang-barang yang perlu, bukan sehingga apa yang dibenarkan oleh kad kredit untuk membeli barang-barang.

Jadi, kad kredit on its own tidaklah menjadi satu perkara untuk kadar inflasi dinaikkan tetapi penggunaannya khasnya oleh mereka yang mempunyai kad kredit itu hendaklah digunakan dengan bijaksana.

Tentang pengeluaran kad kredit, kalau terdapat apa-apa kesalahan ataupun peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan, kita akan merujuk kepada Kementerian tersebut untuk mengambil tindakan yang tertentu.

**PROJEK RUMAH KOS RENDAH
— FAKTOR KELEWATAN/
KEGAGALAN**

6. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) prestasi perkembangan projek perumahan kos rendah sehingga sekarang mengikut prestasi setiap negeri di Malaysia ini;
- (b) apakah faktor-faktor yang menghalang dan melambatkan projek-projek tersebut; dan
- (c) apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Lipis,

- (a) Sukacita dimaklumkan, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah 343,800 unit rumah kos rendah telah disasarkan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Sehingga 1994, sejumlah 220,875 unit atau 64.2% dari sasaran itu telah pun dapat dicapai. Untuk menjimatkan masa Dewan, saya akan panjangkan maklumat mengikut negeri secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Lipis;
- (b) Faktor utama yang menghalang dan melambatkan projek-projek rumah kos rendah, terutamanya projek Kerajaan ialah untuk mendapatkan tanah yang sesuai untuk dibina rumah kos rendah. Masalah yang dihadapi ialah di mana terdapat keperluan yang tinggi untuk rumah kos rendah,

tanah Kerajaan amat berkurangan, kalau ada pun selalu berbukit ataupun berpayu yang menyebabkan untuk memasukkan infrastruktur, kosnya amatlah tinggi;

- (c) Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini telah diatitkan mesyuarat bulanan Jawatankuasa Penyelarasan dan Pengesanan Projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah di antara Kementerian Perumahan dan Pejabat-pejabat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri. Melalui cara ini, masalah perancangan dan pelaksanaan dapat dikenal pasti dan diatasi bersama.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun pembinaan rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah adalah menjadi hasrat Kerajaan, malangnya masih ada ramai yang berpendapatan tinggi dapat diberi peluang membeli rumah-rumah kos rendah tersebut, terutama daripada pemaju-pemaju swasta.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah langkah-langkah yang diambil supaya tiada berlaku apa-apa penyelewengan di dalam pengagihan rumah-rumah kos rendah ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya telah menyediakan satu dana khas berjumlah RM2.1 bilion sebagai program khas bagi membantu mempercepat pembinaan rumah kos rendah untuk tempoh 2 tahun bermula 1994. Ini bermakna, dalam proses Kerajaan menyediakan rumah kos rendah ini, pada masa yang lalu, keutamaannya adalah untuk rumah kos rendah yang nilainya RM25,000 ke bawah.

Kerajaan memang sedar, ada di antara mereka yang sepatutnya tidak mendapat rumah ini telah mendapat rumah ini. Maka, mulai sekarang sehinggalah ke Rancangan Malaysia yang Ketujuh, Kerajaan akan memberikan penekanan kepada pembinaan rumah kos sederhana rendah, iaitu RM25,000 sehingga ke RM100,000 yang mana mereka yang layak untuk membeli rumah ini juga ditingkatkan daripada RM750 kepada RM2,000 sebulan pendapatan sekeluarga.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rekod yang ada di DBKL, orang yang ingin menyewa rumah daripada DBKL adalah berjumlah 80,000 dan orang yang ingin membeli rumah kos rendah ataupun flat DBKL adalah sebanyak 90,000 orang. Soalan keduanya, memandangkan bilangan setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 50,000 unit, maka saya ingin mendapat tahu bagaimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menjalankan tugas atau projek-projek yang ada untuk menyelesaikan masalah kekurangan perumahan kos rendah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang ini. Bolehkah beri angka-angka ataupun projek-projek yang akan dijalankan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah lama berada di Dewan. Saya rasa, kalau hendak tanya angka, sudah tentulah jawapannya, kita perlukan notis. Jadi, sepatutnya tidak ditanya soal berkenaan dengan angka. *(Tepuk)* *(Disampuk)*

Tetapi, seandainya Ahli Yang Berhormat ingin bertanya berkenaan dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan daripada RM600 juta tabung perumahan untuk golongan rakyat termiskin yang telah diagihkan kepada rakyat di seluruh

negara, RM200 juta ataupun 1/3 daripada agihan ini sememangnya kita laburkan dalam kawasan Wilayah Persekutuan untuk mengatasi masalah kekurangan rumah untuk rakyat termiskin. Dan Kerajaan juga melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengadakan suatu daftar untuk mendaftar semua mereka yang berhasrat untuk mendapatkan rumah kos rendah, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, tetapi juga dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri ke seluruh negara dan selepas itu, daftar ini akan disimpan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjadi "One Stop Centre".

Mereka, misalnya yang telah mendapat tanah Kerajaan Negeri, mungkin tidak diberi keutamaan untuk mendapatkan rumah kos rendah. Bagi mereka yang mendapat rumah kos rendah di satu negeri, kalau berpindah ke negeri yang lain, bermakna nama mereka telah didaftarkan. Jadi, daftar ini akan dilaksanakan oleh Kementerian walaupun dahulunya telah ada — mungkin sedikit out-of-date, dengan izin, akan didaftarkan semula supaya kita akan mendapat tahu jumlah sebenar mereka yang berhasrat untuk mendapatkan rumah kos rendah ini.

PILIHANRAYA UMUM — PERSOALAN KESAKSAMAAN DAN KEADILAN

7. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Akta Pilihanraya atau akta-akta lain yang berkaitan dengannya akan dipinda bagi membolehkan pilihan raya yang adil dan saksama dapat diadakan; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar penggunaan wang secara salah telah berlaku berleluasa dalam pilihan raya lepas khususnya di negeri Kelantan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peruntukan yang berkuatkuasa dalam Akta Pilihanraya 1958 dan akta-akta yang lain berkaitan dengan pilihan raya adalah mencukupi untuk membolehkan pilihan raya di Malaysia dijalankan secara adil dan saksama.
- (b) Kerajaan tidak sedar bahawa berlaku penggunaan wang secara berleluasa ketika pilihan raya umum yang lepas, khususnya di negeri Kelantan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Keluh-kesah ataupun masalah yang dibangkitkan berhubung ketidakpuashatian mengenai beberapa peraturan atau akta-akta pilihan raya ini disuarakan oleh semua pihak, termasuk Presiden Parti Gerakan sendiri; bukan sahaja daripada parti Pembangkang, malah daripada Komponen Barisan Nasional sendiri.

Kami daripada Pembangkang telah banyak kali menyuarakan rasa tidak puas hati yang amat sangat tentang proses pengundian pos. Beberapa perkara yang menimbulkan kesangsian ialah konsep kerahsiaan dalam undi pos langsung tidak ada.

Yang kedua, wakil parti langsung tidak dibenarkan untuk memasuki kem-kem tentera. Persoalannya

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalannya, adakah Kerajaan ingin melihat perkara ini berterusan tanpa mengambil kira bahawa ianya ialah suatu perkara yang amat penting dan seterusnya mengambil langkah bagi mengurangkan rasa tidak puas hati di kalangan calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya sesuai dengan konsep pilihan raya yang bebas?

Soalan yang kedua, saya merasa hairan bagaimanakah Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawa ada berlaku penggunaan wang berleluasa; sama ada Yang Berhormat Menteri tak buat kerja ataupun tidak dimaklumkan kerana beberapa laporan polis telah dibuat tentang penggunaan wang yang berleluasa di negeri Kelantan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, kajian terhadap Akta-akta yang berkaitan dengan pilihan raya sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran masa. Kajian ini mungkin akan memerlukan pindaan kepada akta-akta bagi memperkemaskan lagi perjalanan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pilihan raya di negara ini. Pindaan-pindaan yang telah dan yang akan dilakukan tidak bermakna yang pilihan raya di Malaysia selama ini tidak berjalan secara adil dan saksama.

Akta Kesalahan Pilihanraya 1974 telah dengan jelas menyatakan adalah menjadi kesalahan terhadap perbuatan yang berbentuk penyogokan dan terpulanglah kepada pihak yang tertentu untuk membuat laporan kepada pihak Polis atau Badan Pencegah Rasuah. Begitu juga pihak yang berkenaan mempunyai bukti-bukti yang kukuh akan berlakunya perbuatan membeli undi, calon boleh membawa kes ini ke mahkamah melalui Petisyen Pilihanraya Seksyen 71, Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Machang mempunyai bukti-bukti yang sah yang boleh dibawa kepada mahkamah berkenaan dengan petisyen tersebut.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di akhir-akhir ini ataupun sebelum pilihan raya, kita dapati pihak PAS terutama sekali di negeri Kedah telah banyak memindah pengundi-pengundi; dalam kawasan saya pun terlibat, keluar daripada kawasan saya dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemaskini dan memperketatkan lagi cara memindah keluar pengundi tersebut. Kerana pada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti PAS boleh mengambil borang pindah, isi nama, tiru sain dan kemudian hantar kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Kemudian di dalam buku Pendaftar Undi, nama pengundi itu hilang. Dalam kawasan saya sahaja, di kawasan Sala lebih kurang 200 orang pengundi Barisan Nasional telah hilang dan kerja ini sah dilakukan oleh parti PAS. *(Tepuk)*

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan memperketatkan perkara-perkara tentang memin-dahkan pengundi-pengundi apabila Kerajaan meminda akta ini.

JET SKI — PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

8. Tuan Vincent Lim Kuo Phau minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) memandangkan sukan "jet ski" di pantai baru-baru ini sering membahayakan orang ramai yang berenang di persisiran pantai, pihak manakah yang bertanggungjawab mengendalikan dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan mengenai sukan "jet ski" ini;

- (b) apakah tindakan segera dan berkesan untuk menjaga keselamatan semua pihak yang terlibat tanpa menjejaskan perkembangan pelancongan. Adakah pihak berkuasa bercadang mewujudkan kawasan-kawasan khas untuk sukan; dan

- (c) sejak sukan jet ski ini diperkenalkan, apakah kadar kemalangan yang telah berlaku yang membawa maut dan cedera parah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pemilikan dan penggunaan jet ski adalah terbuka kepada orang ramai dan pengusaha-pengusaha pusat permainan air dan perkelahan. Pada amalnya, pengusaha pusat permainan ini menetapkan peraturan penggunaan dan keselamatan yang perlu dipatuhi semasa menggunakan peralatan-peralatan jet ski seperti penggunaan jaket keselamatan, pengetahuan asas menyelamatkan kelemahan dan pengetahuan pengendalian skuter.

Penggunaan jet ski ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran, Pejabat Syahbandar di mana yang terlibat. Bagi meningkatkan langkah keselamatan, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mendaftarkan semua penggunaan jet ski dengan mewujudkan peraturan serta garis panduan mengenai penggunaannya. Berdasarkan maklumat dari Persatuan Sukan Jet Ski Malaysia, kemalangan yang melibatkan nyawa dan cedera parah adalah amat kecil. Mengikut laporan yang ada, satu kemalangan sahaja yang telah berlaku melibatkan pelanggaran dua buah jet ski di pantai Batu Ferringhi, Pulau Pinang pada 14.5.1995 menyebabkan seorang mati dan seorang cedera parah.

**RISDA — STRATEGI
MENGGAJALAKKAN PEKEBUN
KECIL DALAM INDUSTRI
PEMBALAKAN KAYU GETAH**

9. Tuan Yunus bin Rahmat minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi yang telah dan akan digunakan oleh kementerian melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi menggalakkan pekebun kecil getah terlibat secara aktif dalam perkara-perkara berikut:

- (a) merebut peluang untuk mendapatkan Bantuan Tanam Semula Getah;
- (b) mengeluarkan hasil tanaman getah yang telah mencapai umur matang; dan
- (c) berusaha ke arah menggalakkan pekebun kecil terlibat dalam industri pembalakan kayu getah.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa): Tuan Yang di-Pertua, langkah dan strategi yang telah dan akan digunakan bagi menggalakkan pekebun-pekebun kecil terlibat secara aktif dalam perkara-perkara seperti berikut adalah:

- (a) Merebut Peluang Untuk Mendapatkan Bantuan Tanam Semula.
 - (i) Bagi menggalakkan peningkatan peluang mendapatkan bantuan tanam semula, Kerajaan khususnya melalui RISDA akan dari semasa ke semasa meneruskan usaha kempen dan penerangan di berbagai peringkat termasuk di negeri-negeri dan daerah-daerah untuk menggalakkan penyertaan Rancangan Tanaman Semula.

- (ii) Kerajaan juga melalui RISDA menggalakkan tanaman semula secara berkumpulan. Di sini RISDA memberikan keutamaan kepada tanaman semula getah secara berkumpulan melalui program yang dinamakan Tanaman Semula Berkelompok, Tanaman Semula Serentak dan Program Membangun Mini Estet. Melalui pendekatan ini diharapkan faedah ekonomi yang lebih baik akan diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil.

- (iii) Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk meningkatkan bantuan tanaman semula getah yang dulunya pada kadar lebih RM5,436 sehektar telah dinaikkan menjadi RM6,177 sehektar dan ini diharapkan dapat memberikan bantuan yang lebih kepada pekebun-pekebun kecil.

- (iv) Selain daripada itu, RISDA juga telah menubuhkan Pusat Khidmat Setempat di negeri-negeri dan di daerah-daerah bagi membolehkan pemohon-pemohon iaitu pekebun-pekebun kecil mendapatkan kemudahan memproses permohonan mereka dengan lebih segera.

- (b) Untuk mengeluarkan hasil tanaman getah yang telah mencapai umur matang, Kerajaan khususnya melalui RISDA telah mula memperkenalkan beberapa pendekatan baru dalam menoreh. Antaranya ialah:

- (i) Sistem Torehan Cucuk. Dengan teknologi baru ini, pokok getah boleh ditoreh

pada umur yang lebih awal iaitu pada kira-kira berumur $3\frac{1}{2}$ tahun atau apabila pokok mencapai lilitan kira-kira 40 sm berbanding dengan sistem torehan tradisi yang harus menunggu umur getah selama $4\frac{1}{2}$ tahun dan lilitan pokok getah mencapai 46 sm.

- (ii) RISDA juga mula memperkenalkan apa yang dipanggil Torehan Kekerapan Rendah atau Low Intensity Tapping System berdasarkan masalah kekurangan buruh pada masa ini. Sistem ini dapat mengurangkan keperluan buruh di mana torehan hanya perlu dilakukan dua hari sekali atau tiga hari sekali dan pengeluaran hasil getah masih pada tahap yang sama dengan penggunaan bahan penggalak susu.
- (iii) Bagi kawasan-kawasan yang mengalami kekerapan hujan yang tinggi adalah digalakkan penggunaan rain guard ataupun pelindung hujan bagi membolehkan torehan getah dilakukan walau pada musim yang tidak mengizinkan.
- (iv) Di mana pekebun kecil getah tidak mendapat harga yang berpatutan, Koperasi Pekebun Kecil Getah (MARDEC) digalakkan membeli getah dengan harga yang lebih baik bagi menggalakkan pekebun kecil getah untuk terus membuat torehan mereka.

(v) Di mana-mana kawasan yang mengalami masalah kesukaran buruh dan dalam kes-kes yang tertentu dan dibenarkan oleh Kerajaan, tenaga-tenaga buruh asing adalah dibenarkan.

- (c) Dalam usaha untuk meningkatkan ke arah penggalakan pekebun kecil terlibat dalam industri pembalakan kayu getah, RISDA telah mengadakan berbagai-bagai cara termasuk menggalakkan pekebun kecil dengan memberikan kemudahan di mana anak-anak syarikat RISDA akan membeli kayu-kayu getah daripada pekebun-pekebun kecil melalui koperasi-koperasi mereka. Kayu-kayu getah ini diproses untuk dijadikan perabot dan lain-lainnya.

Selain daripada itu Kerajaan menggalakkan supaya pekebun kecil getah menanam getah dengan klon-klon yang terbaru termasuklah timber latex clone ataupun klon yang boleh menghasilkan latex yang tinggi serta kayu yang bermutu. Antaranya RISDA menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menanam getah daripada klon-klon RRIM 937 dan PB 355. RISDA juga akan terus menggalakkan pekebun-pekebun getah menggunakan teknik penanaman yang terbaru termasuk sistem H Planting yang dapat memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada mereka.

Tuan Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa program mini estet itu tidak menguntungkan pekebun kecil, malah membebankan hutang kepada mereka.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Seperti mana yang kita maklum, program membangunkan penanaman getah secara mini estet melibatkan kos-kos yang tertentu. Biasanya hutang-hutang ini menjadi bebanan kerana peserta-peserta itu sendiri yang sebahagian daripadanya tidak mengusahakan dengan cara yang betul. Seyogianya saya sebutkan di sini bahawa sebahagian besar daripada program mini estet adalah berjaya, walaupun kita tidak menafikan ada beberapa mini estet yang kurang mendapat hasil.

Tuan Hanafi bin Ramli: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kampar. Yang Berhormat, tidak ada perbincangan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan melalui RISDA dan saya ingin tahu adakah cadangan pihak Kementerian untuk mengkhususkan kawasan bagi penanaman pokok getah bagi tujuan pembalakan ataupun keluaran kayu balak sahaja?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Kementerian tidak ada cadangan untuk memilih kawasan-kawasan yang tertentu tetapi bagi kesemua kawasan yang terlibat dalam program penanaman semula, kita menggalakkan penggunaan klon yang saya sebutkan tadi serta penggunaan teknik termasuk "H" Planting dan sebagainya. Oleh kerana industri kayu getah ini telah mempunyai pasaran dan potensi yang begitu tinggi, pelaksanaan program menggalakkan penanaman getah daripada klon yang baik ini akan dijalankan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong.

(Soalan No. 10 — Y.B. Tuan Wee Choo Keong tidak hadir)

SIARAN RADIO KAWASAN BEAUFORT — PENGGUNAAN LOGHAT TEMPATAN

11. Datuk Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada sebuah stesen radio akan diwujudkan di Kawasan Beaufort Pendlaman Bawah yang merangkumi Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Bongawan supaya penyampaian maklumat dapat disalurkan dengan lebih efektif kepada masyarakat luar bandar menerusi loghat (dialect).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Wakil Rakyat daripada kawasan Beaufort, kawasan di sekitar Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Bongawan di Sabah, pada masa ini boleh mendapat siaran dengan jelas dari Studio Radio di Kota Kinabalu. Manakala siaran menerusi gelombang FM yang baru-baru ini dipasang telah memberi liputan yang sangat baik kepada pendengar-pendengar terutamanya dari segi penyampaian maklumat.

Memandangkan kawasan yang dinyatakan telah mendapat perkhidmatan radio yang sempurna, maka cadangan penubuhan satu lagi stesen Radio di kawasan Beaufort adalah dirasakan tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Soal Jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 12 hingga 46 dijilid dalam buku berasingan).

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berikut atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan — jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang

ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan — jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

MEMILIH TIMBALAN-TIMBALAN YANG DI-PERTUA

1. Y.B. Tuan Ong Tee Keat (Ahli Parlimen Ampang Jaya).
2. Y.B. Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Ahli Parlimen Kinabatangan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi satu jawatan daripada dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2) dibaca bersama dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *(Tepuk)*

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi satu lagi jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2) dibaca bersama dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), maka saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *(Tepuk)*

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau berdua dan mereka itu bukanlah orang baru di dalam Dewan ini dan haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan sokongan dan kerjasama kepada mereka itu.

JAWATANKUASA PEMILIH BAGI PARLIMEN KESEMBILAN — LANTIKAN AHLI-AHLI

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Kesembilan

yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
- (ii) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu;
- (v) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;
- (vi) Yang Berhormat Datuk Osu bin Haji Sukam; dan
- (vii) Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Kesembilan yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);

- (ii) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu;
- (v) Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;
- (vi) Yang Berhormat Datuk Osu bin Haji Sukam; dan
- (vii) Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA BAGI PARLIMEN
KESEMBILAN — LANTIKAN
PENGGERUSI DAN NAIB
PENGGERUSI**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa Y.B. Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Ahli bagi Kawasan Rompin) dan Y.B. Dato' Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Ahli bagi Kawasan Larut) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kesembilan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Y.B. Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Ahli bagi Kawasan Rompin) dan Y.B. Dato' Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Ahli bagi Kawasan Larut) masing-masing dipilih menjadi Pengerusi dan Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kesembilan.

**AKTA DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS) 1985 —
MELANJUTKAN TEMPOH
KUATKUASA**

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini membuat satu resolusi menurut Subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15hb Jun, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, di satu persidangan Dewan ini dalam bulan April, 1985, Dewan yang mulia ini telah membahaskan satu Rang Undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah atau

yang terlibat dengan pengedaran najis dadah. Usul itu telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar, ianya telah diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun, 1985 bagi tempoh lima tahun. Akta ini pernah dilanjutkan oleh Parlimen ini selama lima tahun yang bermula dari 15hb Jun, 1990 dan cadangan perlanjutan kali ini adalah lanjutan yang kedua. Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun. Perintah ini boleh diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi dua tahun pada tiap-tiap kali pembaharuan.

Semenjak Akta ini dikuatkuasakan mulai bulan Jun, 1985 sehingga Mei, 1995, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan sejumlah 4,083 perintah-perintah tahanan di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan 700 orang yang telah dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Pemilihan tempat tahanan bagi seseorang itu ditentukan berdasarkan kepada berapa berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah mereka lakukan. Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan mengedar dadah secara besar-besaran, mereka ditahan di Pusat Tahanan Muar, Johor, sementara yang sederhana ditahan di Pusat Tahanan Simpang Renggam, Johor dan yang paling kurang ditahan di Pusat Tahanan Batu Gajah, Perak. Sehingga bulan Mei, 1995 terdapat seramai 1,767 orang tahanan ditempatkan di pusat-pusat yang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan yang sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk membimbing mereka supaya dapat mempelajari satu kemahiran sepanjang masa tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti-aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini diikuti dari semasa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka ini telah dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka. Jika orang-orang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan dalam masa perintah tahanan selama dua tahun, maka Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah Seksyen 11 (a) Akta ini untuk melanjutkan perintah itu.

Orang-orang tahanan yang telah dipulihkan sepenuhnya adalah dibebaskan sama ada tanpa syarat ataupun diberi pengawasan dengan mengenakan pengantungan perintah tahanan di bawah seksyen 7 yang mana syarat-syarat adalah sama seperti perintah sekatan di bawah seksyen 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Selain daripada perintah tahanan, sebahagian orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran najis dadah, ada juga dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 6(3) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tertakluk kepada serius atau tidaknya kesalahan mereka. Sepanjang tempoh sekatan ini, subjek diperintah tinggal di satu kawasan yang berada dalam pengawasan polis. Mereka dibenarkan seperti biasa bekerja dalam tempoh pengawasan itu, tetapi mereka dikenakan beberapa syarat untuk menghadkan pergerakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini telah berkuat kuasa sejak bulan Jun, 1985 dan tindakan-tindakan telah diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima sekarang ini tidak berkurangan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya bekalan daripada negara pembekal dan selagi terdapatnya permintaan daripada penagih-penagih. Gejala penyalahgunaan najis dadah sudah banyak sangat diperkatakan dan masih jadi satu masalah yang serius di negara kita, bukan sahaja di negara kita ini tetapi juga di seluruh dunia. Tidak ada sesiapa dapat menafikan bahawa kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan ini bukan sahaja kepada seseorang penagih itu bahkan kepada keluarganya, masyarakat dan negara. Malah jika tidak dikawal, sindiket-sindiket yang mengedar dadah itu boleh bermaharajalela dan mengancam negara.

Negara kita berhampiran dengan pusat-pusat pengedaran dadah iaitu Kawasan Tiga Segi Emas yang mana setiap tahun menghasilkan 250 metrik tan dadah heroin dan merupakan 60% daripada pengeluaran dunia. Kemaraan pengeluaran dan pengedaran dadah sebanyak itu bukanlah satu perkara yang senang untuk ditangani. Kini terdapat hampir 100,891 anak-anak muda di negara kita telah didaftar secara rasmi oleh Kerajaan sebagai penagih sejak tahun 1988 hingga 31 Disember, 1994. Bilangan yang tidak didaftar dengan rasmi itu masih tidak diketahui dan susah untuk dianggarkan. Daripada penagih-penagih yang diketahui dan yang tidak diketahui ini, terdapat sebilangannya merupakan penagih tegar ataupun 'hard core addict', dengan izin,

yang memerlukan sekurang-kurangnya RM30 sehari untuk menampung keperluan mereka. Selagi kegiatan pengedaran dadah ini tidak dikawal dengan ketat dan berkesan, bilangan penagih dadah ini akan terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat penagih-penagih tegar berkeliaran di ibu-ibu kota besar telah menjadi sampah masyarakat. Setengah mereka ini dianggap seperti bangkai bernyawa kerana keadaan kesihatan mereka yang begitu tenat. Selain daripada kurus-kering kerana menagih, mereka juga menghadapi berbagai-bagai penyakit seperti tokak, luka, kudis dan berbagai-bagai penyakit lain. Penyakit yang paling merbahaya yang wujud di kalangan mereka ini ialah mereka juga didapati membawa kuman HIV positif. Keadaan ini telah menjadikan ancaman kepada ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan negara. Selain daripada penagih-penagih sendiri yang menjadi mangsa, ahli-ahli keluarga mereka juga terus menjadi mangsa. Mereka ini adalah, dengan izin, 'the silent sufferer' kerana anak-anak mereka yang kesempitan hidup malu untuk ke sekolah atau bercampur-gaul dengan masyarakat mereka. Isteri yang merana meninggalkan keluarga dan ibu bapa yang malu terus hidup dalam keadaan kecewa dan hilang semangat perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini adalah sukar bagi pihak penguat kuasa untuk menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dengan bukti-bukti pemilikan dadah secara fizikal dan dengan disokong oleh saksi-saksi yang berani dan sanggup mendedahkan diri di mahkamah semasa perbicaraan. Oleh itu, tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah Akta ini

dengan tujuan kita dapat menangkap pengedar-pengedar dengan berkesan dan cepat agar mengurangkan kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dadah daripada pengedar-pengedar kepada penagih. Usaha-usaha pencegahan oleh Kerajaan ini perlu diteruskan lagi. Oleh itu, tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang akan tamat pada beberapa hari lagi, iaitu 15 Jun, 1995 ini perlu diperlanjatkan untuk lima tahun lagi mulai 15 Jun, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang dibuka untuk dibahas. Ya, Jelutong.

3.50 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, soal yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini adalah mengenai satu Akta yang necessity yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi.

Tuan Speaker, walaupun saya terima dadah adalah satu bencana, satu musuh pertama bagi negara kita, tetapi bagi soalan pokok, soalan prinsip, apa yang tidak boleh dinafikan ialah bolehkah satu undang-undang dalam negara kita wujud, walaupun undang-undang itu, undang-undang seperti di hadapan kita petang ini, boleh diwujudkan apabila ada peruntukan dalam undang-undang ini, boleh ada satu tahanan tanpa bicara.

Tuan Speaker, Akta ini dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (Emergency Public Order and Prevention of Crime Ordinance 1969), dengan izin, ketiga-tiga undang-undang ini tidak ada perbezaan, oleh kerana ketiga-tiga undang-undang ini mempunyai peruntukan yang sama iaitu satu tahanan tanpa perbicaraan.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri harus disemak oleh kerana ada beberapa peruntukan yang pada zaman sekarang tidak boleh diterima. Walaupun rakan saya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada satu masa jadi mangsa Akta Keselamatan Dalam Negeri, semua itu dia lupa oleh kerana dalam Barisan Nasional dia menjadi Timbalan Perdana Menteri, dia lupa — dia lupa apa yang terjadi kepada bukan dia sendiri sahaja, tetapi mangsa-mangsa lain termasuk Ahli dari Jelutong dan Tanjong.

Sebelum pilihan raya, sebelum Parlimen dibubarkan ada diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dengan izin, "The Internal Security Act needs review". Selepas itu dia lupa, after saying that he forget. Kalau tidak wujud sebagai sekarang pun, Timbalan Perdana Menteri nasib dia baik kerana dia dikekalkan, pada masa hadapan saya tidak tahu. Bolehkah dia memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini untuk menunaikan apa yang ada diutarakan kepada umum sebelum Parlimen dibubarkan.

Tuan Speaker, apa yang harus dibuat adalah untuk review laws termasuk Perlembagaan, di mana ada peruntukan-peruntukan yang tidak sesuai. Saya beri satu contoh, Tuan Speaker, iaitu ada

dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 48 Bahagian 1(e), saya baca apa yang ada di dalam bahasa Inggeris:

“(1) Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified for being a member of either House of Parliament if —

(e) he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit and has not received a free pardon; or”

Tuan Speaker, baru-baru ini Ahli Yang Berhormat dari Batu, saya tidak tahu dia ada di sini, tetapi apa yang penting bolehkah satu penjenayah yang ada disabitkan di Singapura tidak berapa jauh daripada negara kita, dalam satu masa adalah sebahagian besar negara kita.

Apabila isu ini timbul baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan ini adalah satu kesalahan bukan yang ada dilakukan dalam negara kita, tidak termasuk dalam peruntukan Perlembagaan Perkara 48. Oleh itu apa yang dibuat oleh Yang Berhormat ini, apa yang dibuat ini, tidakkah ini satu penjenayah dalam Dewan yang mulia ini, bukan sahaja penjenayah tetapi kelakuan beliau atas pertaruhan dan menggunakan ‘a four-letter word’, so we have ‘a four-letter word M.P.’ in this Honourable House

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa

Tuan R. Karpal Singh: Saya beri contoh ini, Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak bersangkutan dengan usul yang ada di hadapan kita . . .

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang penting Tuan Speaker, kami dalam Dewan yang mulia ini dihakimi oleh orang lain, dihakimi oleh orang-orang yang termasuk dalam peruntukan the special mergers

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order di sana ya. Nanti Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk, dia hendak kata point of order.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6) — sangkaan jahat. (*Sorak*) Satunya dia terkeluar daripada tajuk ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah menegur tadi Yang Berhormat, perkara ini terkeluar daripada tajuk, sila ucap bersangkutan dengan tajuk ya.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan order. Jikalau saya bercakap sesuatu tidak berapa baik, Parit Sulong

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong

Tuan R. Karpal Singh: . . . jangan main.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong

Tuan R. Karpal Singh: Ada senjata ya! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak ada hak untuk berdiri dan membuat apa-apa bantahan. saya tidak mahu cakap lagi, don't force me.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya teruskan. Itu saya beri satu contoh, Tuan Speaker, bolehkah seorang seperti Yang Berhormat dari Batu

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: . . . duduk dalam Dewan ini dan meluluskan Akta seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah membuat ruling tadi tidak boleh berucap lagi tentang perkara itu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya terima ruling itu walaupun tidak berapa baik ruling itu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana ini adalah satu prinsip di sini.

Saya berbalik kepada tajuk jikalau Tuan Speaker tidak berapa puas hati. Untuk Akta ini apabila Akta diluluskan oleh Parlimen untuk tempoh 5 tahun, 1985 – 1990 dan sekarang 1995, kenapa tidak ada had bagi Akta Keselamatan Dalam Negeri (Emergency Public Order and Prevention of Crime Ordinance)? Kenapa untuk Akta ini juga ada had 5 tahun, bukankah jikalau ada had bagi sesuatu undang-undang yang memper-untukkan detention without trial adalah satu undang-undang yang baik. Tetapi saya mahu dapat tahu daripada Timbalan Menteri selepas ini kenapa ada per-bezaan dalam tempoh masa ketiga-tiga

undang-undang ini. Dan bagi undang-undang ini juga, Tuan Speaker, apa yang wujud dalam Rang Undang-undang ini adalah sebagai satu checks and balances, abuse of power oleh the Executive. Ada dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri angka yang diberi adalah 4,083 tahanan — 700 setakat ini.

Dalam undang-undang ini, Tuan Speaker, apa yang wujud sebagai checks and balances adalah satu permohonan yang boleh dibuat oleh satu tahanan kepada Lembaga Penasihat. Selain daripada itu, satu permohonan *habeas corpus* kepada mahkamah-mahkamah tinggi dalam negara kita.

Tuan Speaker, saya pergi kepada Seksyen 11C The Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985 yang berbunyi:

“There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of any act done or decision made by The Yang Di-Pertuan Agong or the minister in the exercise of the discretionary power in accordance with this Act”, dan ini penting, “save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

Save in regard to any question on compliance with any procedural requirement; ini bermakna jikalau ada “a substantive requirement” dan jikalau requirement itu tidak ada mengikut itu, itu tidak serius.

Tuan Speaker, dalam ingatan saya, saya ingat negara ini adalah sebuah negara di mana procedure is more important than substance, dengan izin. Menteri Dalam Negeri boleh menyalah-guna kuasa yang ada diberi kepadanya di bawah Akta ini tetapi mahkamah tidak

ada apa-apa kuasa, tanpa kuasa, jikalau sekalipun ada suatu procedural defect dalam prosedur tahanan yang boleh dipersoalkan di dalam mahkamah. Ini adalah satu kelemahan yang serius bagi undang-undang ini — Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga The Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969.

Saya merayu kepada Kerajaan untuk meminda ketiga-tiga undang-undang ini untuk mengadakan satu peruntukan di mana jikalau suatu tindakan oleh Menteri Dalam Negeri melanggar undang-undang, itu boleh dipersoalkan dalam mahkamah sebagai satu isu atas mana *habeas corpus* satu permohonan boleh diluluskan. Sampai hari ini dalam ingatan saya ada lebih kurang 250 permohonan *habeas corpus* yang ada diluluskan dalam negara kita selepas tahun 1990. Ini barangkali menjadi satu 'World Record' — boleh masuk dalam "The Guinness Book of Records". Tetapi apa yang boleh dimasukkan di dalam "Guinness Book of Records" adalah ini — bahawa selepas seseorang telah dibebaskan beliau telah ditahan semula. Selepas dibebaskan, kemudiannya ditangkap balik.

Bolehkah suatu Kerajaan apabila memasukkan suatu peruntukan IIC di mana ada sekatan atas judicial review, di mana jikalau ada suatu procedural defect baru juga ada kuasa yang ada diberi kepada mahkamah untuk memutuskan satu *habeas corpus*. Without restriction, the only recourse adalah kepada "a procedural defect". Tetapi dalam soalan ini yang ada dibangkit oleh saya dan ahli-ahli yang lain daripada Pembangkang, kenapa apabila ada satu permohonan yang ada berjaya dalam mahkamah, apabila seseorang telah dilepaskan, dibebaskan, kenapa beliau ditahan semula? Jikalau di dalam satu perintah ada dinyatakan tidak melebihi

tempoh dua tahun bagi seorang tahanan, jikalau seseorang berjaya dalam *habeas corpus* dan berada dalam penjara, dalam tahanan untuk satu tahun setengah selepas dia ditangkap, bila dia berjaya dalam mahkamah, apa yang jadi adalah ini — perintah baru. Tidak diambil kira satu tahun setengah yang orang ini berada di bawah tahanan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Barangkali Timbalan Perdana Menteri tidak tahu, tetapi itu apa yang terjadi. Adakah ini adil? Bukan sahaja perintah Mahkamah Tinggi telah ditepikan oleh polis, malahan perintah Mahkamah Agung pun, dalam ingatan saya.

Tuan Speaker, dalam kes-kes di mana saya ada bertindak sebagai peguam bagi pemohon-pemohon, ada apa yang saya katakan tadi. Dan dalam satu kes baru-baru ini di mana ada penyalahgunaan kuasa oleh polis yang menggunakan Akta The Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance di mana ada peruntukan-peruntukan yang sama dengan undang-undang ini.

Dalam kes Lee Keat Long, baru-baru ini dia ada ditahan di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah. Ini undang-undang biasa untuk kesalahan-kesalahan biasa, beliau telah dihentam dengan serius. Apa yang ada dibuat oleh polis adalah ini — oleh kerana di bawah seksyen 117, jikalau selepas 14 hari satu penyiasatan tidak diselesaikan, orang tahanan harus dilepaskan. Apa yang terjadi sekarang adalah ini — bukan sahaja dalam Lee Keat Long sahaja bahkan kes-kes lain — apabila tempoh 14 hari ini habis dan polis tahu jikalau orang ini dibebaskan beliau akan mendapatkan seorang peguam pergi ke hospital mendapat rawatan, apa yang terjadi kepada-

nya semasa berada di dalam tahanan — terbongkar. Oleh itu, apa yang terjadi sekarang ini adalah beliau terus ditahan sedangkan patut dibebaskan. Tahanan sekarang di bawah akta seperti ini, di mana ada kuasa untuk menahan seseorang itu tidak melebihi 60 hari dan dalam masa 60 hari ini apa yang ada dibuat ke atas seseorang tahanan itu ada terus terang dinyatakan di dalam kes Lee Keat Long di mana Lee Kiat Long ada dihentam — saya ada post-mortem report dan saya ada memberi jaminan kepada Peguam Negara untuk tidak me'reveal'kan, membongkar apa sebenarnya isi kandungan post-mortem itu. Tetapi ini tidak dinafikan oleh Ketua Polis Negara yang ada diclassifykan sebagai kes bunuh. This is the expense di mana polis menyalahgunakan kuasa-kuasa yang ada diberi di bawah undang-undang seperti ini.

Saya merayu kepada Kerajaan, pertama untuk meneliti tindakan-tindakan polis dan kaliber polis dalam negara kita ini sekarang, bukan kaliber masa dahulu apabila British ada di sini. Sekarang tidak ada kaliber. "Penyamun" yang besar dalam negara ini adalah polis dengan lesen yang boleh membunuh seseorang. The police can get away with murder in this country dan kes Lee Keat Long adalah satu kes yang menunjukkan itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Atas apa, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Minta jalan, kalau berani-lah!

Tuan R. Karpal Singh: Saya berani, bukan macam awak!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tadi, Yang Berhormat ada mengatakan bahawa lebih baik lagi polis kita duduk di bawah penjajah daripada keadaan kedudukan polis kita sekarang. Benarkah ini? Lebih baik kita dalam negara kita yang independent, dengan izin, daripada kita di bawah penjajah. Lebih sukakah Yang Berhormat di bawah penjajah dahulu? Saya hendak bertanya sedikit.

Tuan R. Karpal Singh: Fikiran sempit! Sempit dalam Barisan Nasional! Oleh kerana di zaman British kita boleh dijemput menjenguk tahanan itu. Jangan cakap apa-apa! Kenapa pakai kot dan tie? Ini bukan British? Tidak malukah itu? Saya beri satu contoh oleh kerana apa yang saya nyatakan tadi adalah benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Tak payah-lah! Tak payah memberi jalan kepada orang yang seperti itu — fikiran sempit! Tak payah! Saya tidak memberi jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan tawar menawar. Dia tidak beri jalan. Yang Berhormat, ada seorang peminat lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh, itu tidak apa.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Yang Berhormat dari Jelutong, oleh kerana dia telah sebut masalah British dan kita tahu bahawa undang-

undang negara kita kebanyakannya daripada negara British. Saya ingin minta penjelasan, adakah Terrorist Prevention Act yang sekarang ini diamalkan di United Kingdom, adakah undang-undang ini sama dengan ISA? Kalau sama, mengapa British, yang Yang Berhormat dari Jelutong tadi sebut masih lagi mengamalkan Terrorist Prevention Act dan tidak heboh seperti di Malaysia. Tetapi mengapa ISA yang kita tahu memberikan kebaikan kepada negara kita masih lagi tidak habis dibangkitkan oleh pihak Pembangkang?

Tuan R. Karpal Singh: Akta Keselamatan Dalam Negeri saya terima sebagai satu rehashing of the Emergency Regulations 1948, selepas British balik, Parlimen ini, Tuan Speaker, mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Apa yang saya nyatakan adalah ini, bukanlah apa yang telah dibuat oleh British bagi rakyat kita.

Tuan Noh bin Omar: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Baik, tetapi apabila saya beri satu contoh tadi, contoh adalah kaliber polis sekarang dan kaliber bila British berada di sini, itu satu contoh yang saya beri juga.

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, dia bangun lagi ini.

Tuan Noh bin Omar: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau itu anggapan mereka, bukanlah bermakna kami patut mengikut perkara yang sama, itu bukanlah tujuan saya apabila ada memberi satu contoh mengenai kaliber polis. So, don't get excited! Tuan Speaker, yang saya berikan tadi satu contoh juga.

Dan ini adalah benar, apabila British berada di sini, pasukan polis ada disiplin, bukan apa yang ada di sana sekarang, Tuan Speaker, berapa anggota polis ada disabit, ada dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan rompakan bersenjata, ada sekarang — dahulu tidak ada. Apabila British ada di sini tidak berlaku kejadian seperti itu. Ini bukanlah saya memuji zaman British, itu bukanlah maksud saya. Tetapi saya merayu apa yang telah saya katakan tadi dan saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai tahanan di bawah ISA pada satu masa dahulu, saya ingat dia tahu dalam 60 hari apa pun boleh terjadi. Adakah mengetahui atau tidak? *(Ketawa)* Siapa yang ada kuasa apabila ditahan di bawah seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri, Mr. Deputy Prime Minister? Siapa "tuan" dalam tempoh itu, apa yang dibuat oleh polis ke atas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, baik atau tidak baik? Tak berani jawab, dare not stand up untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sekarang ini masa Yang Berhormat berucap, bukan untuk menyooal!

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, dia tidak membantah apa pun, mengapa Tuan Speaker membantah. Dia tidak berani menjawab oleh kerana apa yang saya nyatakan ini benar. Oleh itu tak jawab — silence. Silence is an admission that the other side is right. *(Tepuk)* Dia tahu, saya tahu, Tuan Speaker tidak tahu oleh kerana kedua-dua pihak pernah ada di bawah tahanan itu. *(Ketawa)*

Tuan Speaker, saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada pengalaman untuk menjadi mangsa polis dalam tempoh 60 hari ini, apa yang telah terjadi, dia tahu dan saya tahu, dia dalam Kerajaan, saya bukan dalam Kerajaan sehingga hari ini. Barangkali dia boleh membangkitkan dalam Kabinet apa yang berlaku dalam tempoh tahanan itu, Tuan Speaker, untuk membolehkan Kerajaan apa yang dianggap sebagai silap untuk membetulkan perkara itu, itulah tujuan saya Tuan Speaker. Dengan itu, Tuan Speaker, walaupun apa yang telah saya nyatakan tadi, dadah adalah satu public enemy number one bagi rakyat negara ini tetapi lebih daripada itu adalah considerations yang tertinggi iaitu adalah mengenai the Rule of Law dan undang-undang ini tidak mengikut Rule of Law oleh kerana ada peruntukan di mana seseorang boleh ditahan tanpa perbicaraan. Apa yang ada dalam ingatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apabila menyatakan dengan umum ISA harus disemak untuk direview, saya ingat barangkali peruntukan tahanan tanpa perbicaraan itu pun boleh direviewkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

4.16 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ingin menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya tidak ingin bercakap panjang dan tidak membuat retorik sebagaimana yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam yang mendapat latihan di luar negeri terutama sekali di England, memang

mengenal mereka sendiri sebagai jaguh individual human rights. Menjadi jaguh, the defender of freedom, tetapi mereka tidak kisah sejauh manakah the defender of human rights ini akan membinasakan negeri ini, tidak kisah kepada mereka. Tetapi saya berdiri di sini ialah berdiri untuk mempertahankan sovereignty negara ini dengan apa cara sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, orang Jelutong dia hanya pandai bercakap sahaja, dia belum pernah mempertahankan negara ini daripada apa-apa musuh sekali pun, masa negara ini emergency di mana dia? Mungkin menyeduk kepala di bawah meja, Tuan Yang di-Pertua, mungkin di London, mungkin di mana-mana. Begitu-lah mereka sekarang mengatakan yang apa sahaja yang baik-baik di England diberitahu di sini tetapi yang jahat sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang sebutkan tadi dia tidak mahu sebut pun; semasa British ada masalah dengan Ulster dibuatkan satu undang-undang yang sebegini rupa, lebih oppressive lagi, negeri orang lain dia buat, tetapi ini kita mempertahankan negeri kita sendiri, dia buat undang-undang di Ireland untuk mempertahankan untuk menangkap orang Ireland tidak ada perbicaraan, kenapa tidak disebut? Cari yang baik-baik daripada England sebut, yang jahat tak sebut.

Undang-undang yang kita warisi ini Ahli Yang Berhormat sendiri tahu diajar oleh pihak British. Kalau tak percaya, baca artikel yang ditulis oleh Lord Hailsham macam mana dia kata, pihak British mengajar semua colony di Afrika, di Asia macam mana hendak memberatkan freedom manusia yang ada di seluruh negara takluk mereka. Tak sebut perkara ini. Sebut baca sejarah dahulu, sebelum hendak bercakap baca sejarah, jangan kata orang apa yang di depan kita

sebut yang baik sahaja. Saya sudah merasa pahit maung macam mana mempertahankan negara ini, jadi ini perkara yang kecil sahaja yang Timbalan Menteri bawa ini sudah tidak hendak.

Tuan Yang di-Pertua, konsep askar ialah a few must sacrifice for the multitude. Ada orang perlu mati untuk mempertahankan negara, undang-undang seperti ini untuk mempertahankan negara, for the sake of the multitude. Mungkin ada orang yang jahat kena tangkap, kena masuk ke dalam penjara, bagi saya itu adalah satu rahmat.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang seperti ini mesti dipertahankan, sejarah negara lain mesti kita lihat dahulu, masyarakat membawa the decline negara itu sendiri. Tetapi kalau inilah tujuan pihak Pembangkang kita terima hakikatnya, Pembangkang memang tidak boleh dipercayai dan diterima hakikat untuk mempertahankan kehormatan ataupun sovereignty negara ini. *(Tepuk)* Kerana kita hendaklah membiasakan masyarakat kita sendiri, tadi dia mengatakan diterima hakikatnya undang-undang ini supaya semua penagih-penagih dadah ini, selagi dadah ini menjadi satu merbahaya yang besar di negara kita ini, selagi "golden triangle" itu boleh mengeluarkan dadah ke negara kita ini, selagi negara Columbia di South America boleh mengeluarkan dadah ke seluruh dunia, negara kita ini masih menjadi kecaman.

Jadi, undang-undang ini kita hendak tarik balik, in the name of human rights, in the name of freedom, dengan izin. Bukan dia yang pergi ke tepi jalan melihat orang yang merengkok menjadi penagih dadah di sana sini, ia hanya akan memejamkan mata, ditutupkan telinga, tak tahu kerana tak hendak buka mata, mereka impikan Utopia yang ada dalam konsep freedom mereka itu. Mentaliti yang dijajah semenjak tahun

dahulu sampai tertinggal masa sekarang, kita tak boleh perintah negara ini mengikut cara kita sendiri, kita tak boleh perintah negara ini untuk kebaikan masyarakat kita sendiri oleh kerana the concept of freedom, the universal freedom, universal of human rights yang dibawa dahulu, saya pun diajar juga tetapi saya lebih bijak dari itu menilaikan yang mana baik dan yang mana jahat.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada itu, ada orang kita yang mati, saya mempunyai saudara mara, yang mati, bukan sahaja di medan peperangan di dalam hutan, tetapi juga mati untuk mempertahankan diri daripada penjenayah. Ada saudara sepupu saya yang mati dibunuh oleh penjenayah. Ada pula saudara mara saya mati ditembak oleh pemberontak. Tetapi bagi saya kalau mati untuk negara ini, kita rela menerima pengorbanannya, tetapi pembangkang tidak rela mengorbankan sedikit kebebasan mereka untuk kepentingan negara ini. Mereka mahu menghuru-harakan negara ini, mereka mahu mengkucar-kacirkan negara ini yang mungkin akan mencetuskan, the decline of this country, dengan izin. Tetapi kalau dalam keadaan yang 'decline' ini, ada orang yang menanggung di air keruh, ia mungkinlah pihak Pembangkang, bukan kita. Kita hendak yang baik, kita hendak growth rate kita meningkat. Kita hendak inflasi turun, kita hendak negara ini baik dan kita tidak hendak ada orang menghisap dadah, tidak banyak lagi penjenayah, tetapi kalau penjenayah sudah dimasukkan ke dalam jel atau ke dalam cell, dengan apa cara sekalipun, saya relalah orang itu, walaupun saudara mara saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah cerita, kerana akan ada masa lain untuk saya bercerita sejarah 'the decline of so many countries in the world, nations daripada ancient world sampai kepada modern world, menunjukkan tentang

'decline' itu bermula dan kejatuhan negara sesebuah negara selepas daripada itu. Tetapi kalau kitalah yang merancangkan 'decline' ini, oleh kerana Kerajaan tidak mengambil tindakan yang wajar, kita akan menyesal dan sejarah akan menyebut yang kita tidak mengambil tindakan yang wajar. Tindakan yang wajar yang kita sebutkan hari ini ialah memanjangkan Usul penggunaan undang-undang yang kita sebutkan tadi.

Jadi, jaguh-jaguh yang seperti ini, tolonglah sedikit, jangan cakap sahaja. The chip is on the table, the crux is on the table, kita tunjukkan sebenarnya, kita ini, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Tetapi selagi kita hendak tunjukkan jaguh "freedom", tidak makan pun boleh, hendak tunjuk undang-undang kita mesti mengikut Rule of Law, tetapi disebaliknya pula, kita dalam keadaan menghadapi masalah dari segi ekonomi dan sebagainya, saya tidak relalah dia dibuat macam itu. Jadi, oleh kerana keadaan yang demikianlah, kita nampak, kalau di seluruh Malaysia, orang sudah mula celek.

Di Kuching saya pernah beritahu kenapa Datuk dari Bandar Kuching boleh menang. Saya berjumpa dengan kawan-kawan saya di seluruh bandar yang mengatakan "tidak mendatangkan hasil dasar-dasar mereka ini, kita hendak negeri ini aman damai supaya kita boleh berdagang. Tetapi kita tidak hendak negeri ini menjadi kucar-kacir, sama ada oleh kerana dadahkah atau sama ada oleh kerana jenayahkah, tetapi tujuan kita ialah untuk membanteras semua ini dan mana-mana undang-undang pun, termasuk ISA, saya tetap menyokong dan saya tetap di belakang Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Machang.

4.23 ptg.

Datuk Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, di dalam permohonan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk melanjutkan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua kita dan rakyat Malaysia bersetuju bahawa dadah adalah musuh utama negara dan hampir kita semua tahu bahawa ancaman yang diakibatkan oleh penyalahgunaan dadah ini adalah amat serius untuk generasi kita yang akan datang. Atas hakikat inilah pada setiap kali Dewan ini berbincang tentang masalah penyalahgunaan dadah, saya tidak dapat lari daripada terpaksa mengambil bahagian untuk membahaskannya.

Saya masih ingat pada bulan Oktober yang lepas, saya telah membangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang pada masa itu Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, bahawa mengikut suatu perangkaan yang saya petik daripada seorang pegawai Kerajaan tertinggi yang membuat kenyataan dalam sebuah akhbar, bahawa pada masa ini terdapat lebih kurang 200,000 penagih dadah berdaftar di seluruh negara dan mengikutnya lagi, mengikut kajian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di belakang seorang penagih dadah berdaftar terdapat sekurang-kurangnya 4 penagih yang tidak berdaftar. Ini bermakna dalam negara ini sekarang kita mempunyai jumlah penagih dadah yang berdaftar dan tidak berdaftar hampir satu juta orang.

Jumlah satu juta berbanding dengan penduduk negara ini yang keseluruhannya, mengikut bancian yang saya tahu, 17 juta lebih, adalah satu angka yang amat-amat menggerunkan. Kita tidak tahu dan tidak dapat membayangkan apakah yang akan jadi kepada generasi kita yang akan datang sekiranya gejala ini dibiarkan terus berleluasa. Atas hakikat inilah maka barangkali pihak Kerajaan, memandangkan bahawa Akta ini perlu dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita juga tahu, The Cardinal Principle of Law, dengan izin, telah diterima pakai oleh sistem perundangan di negara ini semenjak kita mencapai kemerdekaan ialah sistem Common Law. Prinsip undang-undang yang kita pakai sekarang telah menyebut bahawa "Seseorang itu tidak bersalah, sehingga dibuktikan bersalah". Dan tugas untuk menentukan seseorang itu bersalah, bukan terletak di tangan kuasa eksekutif. Tugas untuk menentukan seseorang itu bersalah adalah diletakkan di dalam sistem kehakiman negara kita, iaitu kepada mahkamah. Bermakna mahkamahlah yang akan menentukan seseorang itu bersalah atau tidak dan seterusnya menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini ialah suatu pengecualian daripada prinsip tersebut. Kuasa menghukum, menahan dan menjatuhkan hukuman dipindah dari mahkamah dan diberi kepada kuasa eksekutif, iaitu Menteri Dalam Negeri. Saya bersetuju dengan rakan saya dari Jelutong, bahawa selain daripada Akta ini, terdapat banyak lagi Akta-akta lain dalam negara kita yang mempunyai prinsip-prinsip yang sama dan jika kita mengkaji Akta ini secara mendalam, terdapat dua bentuk semakan yang boleh dibuat oleh sese-

orang yang terkilan. Semakan yang pertama ialah hak merayu kepada Lembaga Penasihat, setelah perintah dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri. Hak yang kedua ialah permohonan *habeas corpus* ke Mahkamah Tinggi bagi memerintahkan dan mengisytiharkan tahanan tersebut tidak sah dan seterusnya membebaskan beliau.

Malangnya hak untuk membuat permohonan *habeas corpus* ke Mahkamah Tinggi ini, menurut peruntukan seksyen 11C telah disempitkan oleh undang-undang ini sendiri. Menurut peruntukan seksyen 11C akta tersebut, hanya kesalahan-kesalahan yang berbentuk teknikal sahaja yang membolehkan seseorang itu mencabar penahanan tersebut ke mahkamah. Atas alasan lain, tidak dibenarkan langsung dan kita tahu bahawa angka yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jelutong sekejap tadi, sejak tahun 1990 hingga sekarang, terdapat lebih kurang 250 permohonan *habeas corpus* telah dibenarkan. Sebahagian besarnya berasaskan kepada alasan teknikal semata-mata.

Peruntukan seksyen 11C yang telah menyempitkan bahawa permohonan *habeas corpus* ini hanya untuk peruntukan-peruntukan kesilapan yang berhubung dengan teknikal telah menyempitkan hak individu untuk membawa kes ini ke mahkamah.

Saya tidak dapat menafikan dan malah saya menerima bahawa najis dadah ialah suatu ancaman yang amat besar. Pada masa yang sama juga, kita terpaksa mengimbangi hak individu yang telah termaktub di bawah Bab 4 Perlembagaan negara kita. Di sinilah seharusnya terletak pertimbangan kita yang rasional.

Daripada angka yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi, terdapat lebih empat

ribu tahanan yang telah ditahan di bawah akta ini dan mengikut angka yang diberikan semasa membawa usul tadi, 700 orang tahanan telah pun ditahan di bawah akta ini. Bermakna hampir tiga ribu lebih, kalau tidak silap saya kalau tidak dikenakan di bawah undang-undang lain dibebaskan setelah penyiatsan dalam tempoh 60 hari.

Persoalannya saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekarang kuasa eksekutif memegang kuasa mahkamah, maka alasan-alasan penahanan mestilah merupakan suatu alasan yang kukuh sebelum seseorang itu boleh ditahan tanpa perbicaraan. Saya melihat akta ini secara terperinci, tidak nampak suatu peruntukan pun di dalam akta ini yang memberi garis panduan kepada pihak polis apakah asas-asas yang membolehkan dijadikan sebab untuk menahan seseorang itu.

Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi menyatakan kepada Dewan ini, sejak akta ini dilaksanakan pada tahun 1985 dan telah empat ribu lebih tahanan dibuat di bawahnya, apakah asas-asas yang digunakan oleh pihak berkuasa sebelum tahanan itu dibuat? Saya mendapat tahu sebahagian besar mereka ditahan kerana bukti yang cukup tidak diperolehi untuk membawa mereka untuk dituduh di mahkamah di bawah seksyen 39B sebagai pengedar dan oleh kerana itu, tindakan penahanan dibuat di bawah akta ini.

Ada pihak berpendapat bahawa sekiranya seseorang itu dibuktikan telah terlibat secara langsung dengan dadah tiga kali sebelum daripada tahanan, maka ini boleh dijadikan asas untuk tahanan di bawah akta berkenaan. Kalaulah ini benar, tiga kali penglibatan dengan najis dadah membolehkan beliau ditahan untuk tempoh 2 tahun, kemudian dilan-

jutkan lagi tempoh 2 tahun, maka ini saya yakin sedikit sebanyak akan berlaku penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah perlu sekarang sama ada dalam bentuk akta ini sendiri atau sama ada dalam bentuk arahan daripada Menteri Dalam Negeri kepada pihak yang akan menguatkuasakan akta ini supaya memperuntukkan suatu peruntukan yang khas tentang asas-asas yang membolehkan seseorang itu ditahan secara jelas dan terperinci. Dengan cara demikian sahaja, maka tidak akan berlaku penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam usaha Kerajaan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam negara ini, Kerajaan telah memperkenalkan berbagai-bagai akta. Sejauh mengenai penyalahgunaan dadah, setahu yang saya kesan terdapat sekurang-kurangnya empat peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Yang pertama ialah Akta Dadah Berbahaya. Yang kedua ialah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Yang ketiga, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) dan yang keempat ialah yang terakhir iaitu mengenai Penyitaan Harta.

Tuan Yang di-Pertua, semua keempat-empat akta ini adalah berkaitan dengan matlamat untuk membasmi penyalahgunaan dadah tetapi diadakan di dalam peruntukan undang-undang yang berlainan di empat peruntukan undang-undang yang berasingan. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya sekarang bahawa jika kita menganggap penyalahgunaan dadah ini adalah satu najis yang serius, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya kesemua akta-akta yang bersabit dengan penyalahgunaan dadah ini digabungkan menjadi suatu akta yang khusus.

Dengan cara ini, kita dapat melaksanakan akta ini secara berkesan dan barangkali dapat mengurangkan sedikit sebanyak masalah penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan hujahnya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyatakan hampir 10 tahun akta ini berkuat kuasa tetapi masalah penyalahgunaan dadah masih berterusan. Begitu juga dalam sidang Parlimen yang lepas, Yang Berhormat yang sama telah memberitahu Dewan ini bahawa walaupun hukuman mati dijatuhkan ke atas pengedar dadah tetapi jumlah mereka yang ditangkap di bawah seksyen 39B terus meningkat. Ini bermakna peruntukan undang-undang yang ada dalam negara kita sama ada Akta Dadah Berbahaya, sama ada Akta Dadah (Langkah-langkah Pencegahan Khas), sama ada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) tidak berkesan untuk menangani masalah ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan bahawa sudah tiba masanya dilaksanakan satu program besar-besaran yang menyeluruh untuk memerangi habishabisan gejala dadah dalam negara.

Saya nampak pada masa ini, sistem-sistem yang dibuat khususnya berhubung dengan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) di mana seseorang itu boleh ditahan dalam suatu tempoh tertentu menjalani latihan tetapi apabila kembali kepada masyarakat, mereka terlibat semula dengan dadah. Ini bermakna pemulihan yang dijalankan tidak berkesan.

Jika demikian, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba bagi pihak Kerajaan untuk mencari suatu formula baru, merangka suatu skim baru, rancangan baru untuk membendung masalah ini supaya gene-

rasi kita yang akan datang dapat diselamatkan daripada najis yang cukup bahaya ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

4.38 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan resolusi untuk melanjutkan subseksyen (4), seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan saya menyokong dengan sepenuhnya apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Jelutong dan juga Machang.

Pada hari ini kita membahaskan akta ini untuk menahan seorang penagih dadah ataupun kesalahan dengan dadah. Hakikatnya kita tidak boleh menyokong satu akta di mana Kerajaan atau pihak polis boleh menahan seorang warganegara kita tanpa bicara. Itulah satu prinsip yang kita tidak boleh kompromi walaupun dalam sesi Parlimen yang lepas, kita sudah nampak akta-akta yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini ada banyak akta di mana hak-hak rakyat Malaysia dinafikan — hak dalam Perlembagaan — di mana mereka boleh mendapat satu hak dibicarakan di dalam mahkamah sebelum ditahan.

Ini satu contoh khas yang kita boleh nampak dengan jelas dan terang bahawa Kerajaan kita sudah — boleh dikatakan gila kuasa di mana kita hendak tahan seorang warganegara kita tanpa bicara. Ini kita tak boleh terima oleh kerana dalam Akta-akta yang sedia ada sekarang, seperti Dangerous Drugs Act ataupun di bawah Penal Code, pihak Polis sudah ada banyak kuasa untuk menahan seorang mengenai kesalahan dadah ataupun kesalahan yang lain.

Seperti Dangerous Drugs Act ini, di bawah seksyen 21 — Special Power of Investigation di mana pihak Polis diberi kuasa khas untuk menyiasat kes mengenai dadah, tetapi tidak cukup lagi. Kerajaan hendak melanjutkan lagi kuasa mereka di bawah Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measure) ini. Kita sering nampak atau membaca di dalam surat khabar di mana seorang warganegara kita dituduh di mahkamah dan dibebaskan oleh mahkamah mengenai dadah bila mereka berjalan keluar daripada pintu mahkamah, mereka ditahan pula oleh Polis dan penahanan ini dijalankan di bawah Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measure) ini.

Jikalau seorang itu dibebaskan oleh mahkamah, itu sudah bermakna bahawa orang yang tertentu itu tidak bersalah. Kenapakah Polis mesti menggunakan Akta ini pula untuk menahan mereka? Sama ada pihak Polis sudah tidak ada kepercayaan ke atas mahkamah negara kita? Ini satu perkara yang kita tidak sanggup melihat di dalam masyarakat demokratik ini yang kita kuarir yang mana ini juga adalah satu tugas kita di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjaga dan juga mempertahankan hak-hak warganegara Malaysia supaya pihak Polis ataupun pihak yang tertentu tidak menyalahgunakan kuasa. Jikalau kita memberikan kepada pihak Polis kuasa yang amat luas di bawah Akta ini, memanglah mesti ada penyalahgunaan kuasa. Dengan izin, absolute power — corrupt absolutely. Itu yang kita tak mahu nampak dalam negara kita yang mana kawan saya dari Jelutong tadi sudah sebut.

Baru-baru ini kita sudah nampak dalam surat khabar bahawa seorang mekanik, Encik Lee telah mati di dalam tahanan Polis dan badannya sudah ada luka dan ada kesan dipukul oleh orang.

Keadaan yang sedemikianlah yang kita mesti mengelakkan. Kes mati dalam tahanan Polis — seperti kes mekanik ini bukannya kes yang pertama. Ada satu kes lagi daripada tahun 1987. Si mati, Anthonysamy — beliau juga mati di tahanan Polis Wilayah Persekutuan dan pada masa itu, pihak Polis mengeluarkan satu kenyataan bahawa si mati, Anthonysamy ini mati oleh kerana — cause of death, dengan izin, heart failure! Heart failure — bila kes ini dibawa ke Coronor Inquiry di mahkamah, lebih kurang 70 hari lebih, akhirnya keputusan Majistret, cause of deathnya apa — beliau pun tidak boleh menentukan cause of death dan apa keputusan yang dikeluarkan oleh Majistret itu — open verdict. Takkan Kerajaan tak kasihan ahli keluarga si mati itu.

Katalah kalau si mati itu menjadi seorang kawan kita atau waris-waris kita, bagaimanakah perasaan kita? Memang pada masa sekarang Batang Lupa boleh berdiri menyokong dengan buta walaupun beliau seorang peguam — menyokong dengan buta walaupun dari segi prinsip undang-undang, kita tak boleh menyokong, di mana satu Akta yang menafikan seorang rakyat hak mereka untuk dibicarakan di mahkamah. Kita tak boleh terima.

Baru-baru ini pula satu kes — mekanik boleh kata dipukul mati di dalam lokap. Bagaimana beliau boleh mati di dalam lokap? Bagaimana beliau di bawah tahanan — boleh kata di bawah satu protection oleh pihak Polis tetapi beliau juga boleh mati seperti Anthonysamy pada tahun 1987. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa bagaimanakah kita boleh menjamin bahawa pihak Polis ataupun pihak berkuasa tidak akan menyalahgunakan kuasa bila mereka menjalankan tugas mereka atas nama menyiasat kes-kes dadah. Sama ada pada

masa ini juga Akta-akta yang sedia ada ini tidak cukup memberi kuasa kepada Polis untuk menjalankan siasatan mereka atas kes-kes dadah. Kenapakah kita perlu melanjutkan Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measure) 1985, sedangkan kita sudah ada satu Dangerous Drugs Act tahun 1988 di mana pihak Polis telah diberi hak yang berleluasa — had-had yang amat luas dan boleh menjalankan siasatan mereka yang tidak susah. Polis juga boleh menggunakan hak-hak yang sedia ada sekarang di bawah Penal Code untuk menyiasat. Kenapakah Polis ataupun Kerajaan sering atau selalu meluluskan Akta-akta di dalam Dewan yang mulia ini di mana menafikan hak-hak rakyat negara kita untuk dibicarakan di mahkamah.

Sama ada Kerajaan sudah tahu bahawa jikalau kes-kes yang ditahan oleh akta ini kalau dibawa ke mahkamah, kes-kes ini semua akan dibuang oleh kerana semua orang ini tidak patut ditahan oleh kerana tidak ada bukti — oleh kerana disyaki sahaja. Dalam masyarakat yang berdemokrasi, memang kita tidak boleh menahan seseorang oleh kerana kita syaki sahaja. Katalah saya jadi pihak Polis dan kita syaki Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mungkin dia seorang penagih dadah dan menahan beliau. Tidakkah itu menganiayai beliau dan juga keluarga beliau?

Saya rasa pada tahun 1995 ini, kita sudah capai satu tahap di mana kita janganlah menggunakan kuasa-kuasa ataupun memberi kuasa terlebih kepada pihak berkuasa seperti Polis oleh kerana satu prinsip iaitu absolute power — corrupts absolutely. Dan juga power atau kuasa yang diberi di bawah Akta ini sangat luas dan memang berani saya katakan dengan terus terang di sini, memang ada kes-kes di mana pihak Polis ada menyalahgunakan kuasa. Seperti dua kes yang kita sebutkan tadi, sudah ada dua orang yang kita tahu mati di bawah tahanan Polis.

Saya rasa ada banyak kes-kes di bawah tahanan Polis di mana seorang tahanan dipukul ataupun diancam. Saya rasa di dalam Dewan yang mulia ini juga pernah dengar orang datang mengadu bahawa kawan mereka ataupun waris-waris mereka dipukul, diancam, diseksa di bawah tahanan Polis. Ini satu amalan yang amat ketara. Perkara yang begini sudah jadi satu way of life, dengan izin, di bawah tahanan Polis. Saya rasa tidak ada orang di dalam Dewan yang mulia ini boleh menjamin bahawa tiap-tiap tahanan Polis di dalam negara ini, tiada Polis yang tidak menggunakan kekerasan.

Jadi, kita semua Ahli Parlimen di sini, kita ada satu tugas. Bila kita mengangkat sumpah pada minggu yang lepas, di mana kita mesti mempertahankan Perlembagaan kita, sudah menjamin tiap-tiap warganegara mesti ada hak untuk membawa apa-apa kes ke mahkamah dan akta ini sudah menafikan hak itu. Memang kita faham, memang kita tahu bahawa dadah ialah satu musuh utama negara kita. Kita tahu tetapi di samping itu kita juga mesti mempertahankan hak-hak rakyat supaya pihak Polis jangan menggunakan nama Dangerous Drugs Act (Preventive Measures) ini untuk menyalahgunakan kuasa, untuk menahan orang oleh kerana sebab-sebab yang lain. Oleh kerana di atas disyaki sahaja, oleh kerana mereka tidak ada bukti, mereka menggunakan akta ini, itu tidak patut. Saya rasa kita di Dewan yang mulia ini tidak akan sokong sesiapa yang membuat tuduhan sahaja dan kita sudah kata dia bersalah. Saya sering dengar di dalam Dewan yang mulia ini di mana Barisan Nasional mengatakan, "Oh, itu tuduhan sahaja! Bagaimana kita boleh kata dia bersalah? Dia belum dituduh di mahkamah, belum dapat keputusan dari mahkamah. Kenapa pihak Pembangkang sudah kata dia bersalah?"

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Nanti, saya belum habis. Yang Berhormat ada peluang lagi. Sebab ini satu perkara yang serius. Ini yang saya kata tadi. Kalau begitu, kenapakah kita mesti meluluskan akta ini? Di mana ada satu akta untuk menahan seseorang tanpa perbicaraan. Saya rasa kita ada ramai peguam di sini, di Barisan Nasional. Saya rasa mereka yang belajar di dalam universiti pun tahu ini satu prinsip yang kita tidak boleh menafikan seseorang warganegara kita, hak untuk mendapat perbicaraan atas apa-apa kesalahan ataupun seseorang sebelum dia ditahan oleh Polis mestilah ada hak untuk membawa kes-kes mereka itu ke mahkamah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita meluluskan akta ini pada hari ini, berani saya kata mesti ada kes-kes di mana pihak Polis menyalahgunakan kuasa dan menahan orang-orang yang tidak bersalah, menahan orang yang tertentu oleh kerana yang pertama iaitu di atas syaki sahaja. Saya rasa ini tidak patut. Oleh yang demikian, saya harap kawan-kawan saya yang di sebelah sana juga, janganlah kita meluluskan akta ini. Jikalau kita hendak meluluskan satu akta untuk membasmi dadah di negara kita, marilah kita bentangkan satu Akta Dadah Berbahaya yang baharu, yang merangkumi berbagai seksyen-seksyen untuk mengawal dadah dalam negara kita dan juga yang penting, kita mesti ada check peruntukan dalam akta itu juga supaya penyalahgunaan kuasa tidak boleh dijalankan.

Kalau tidak saya rasa mesti ada banyak kes lagi di mana warganegara kita akan dianiayai. Jadi, yang paling

penting saya juga mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bila seseorang yang ditahan di bawah akta ini, sama ada beliau ada hak untuk menelefon ataupun memberitahu keluarga mereka ataupun menelefon peguam mereka, memberitahu mereka bahawa mereka ditahan di bawah akta ini dan juga sama ada mereka ada hak untuk berjumpa dan berbincang dengan peguam mereka; ataupun memberitahu peguam mereka bagaimana keadaan mereka di bawah tahanan. Dengan itu saya tidak boleh menyokong akta ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat. Selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya juga bercadang hendak mengambil bahagian atas resolusi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tadi saya tidak nampak Yang Berhormat. Tidak apa, saya beri peluang.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4.59 ptg.

Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau): Pertama kali dalam Dewan ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana membenarkan saya bercakap, dan apabila saya mula masuk ke Dewan mendengar hujah yang dikemukakan oleh Pembangkang tadi; saya rasa bukan hujah orang tua-tua. Ini cuma hujah orang tua sahaja.

Yang bererti, bahawa perkara ini telah dibincangkan, telah dirundingkan, telah pun dibahaskan, sudah cukup untuk diluluskan dan tak perlu ulang hujah yang sama bahawa apa yang dibawa oleh Kerajaan pada hari ini adalah cukup bijak dan saya menyokong pihak Kerajaan yang telah membawa Usul ini supaya disambung kuasa yang telah diberikan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, isu di depan kita ialah mengenai kebebasan bercakap, kebebasan berbicara ataupun dibicarakan. Saya percaya undang-undang kita cukup dinamik. Ianya berubah dari semasa ke semasa. Ianya memberi peluang kepada kita untuk menyesuaikan undang-undang itu dengan keadaan dan saya percaya ianya adalah memang sesuai dengan keadaan pada hari ini.

Kalau kita lihat undang-undang hari ini jika sekiranya seseorang yang disyaki dibawa ke mahkamah, setelah mempunyai fakta yang cukup tetapi telah dijatuhkan ataupun dikalahkan hanya dengan sebab-sebab teknikal, apa patut kita buat? Kalau fakta sudah cukup, apa jalan lagi penyesuaian untuk memberi keadilan kepada orang lain. Orang lain barangkali telah pun dibunuh dengan secara tidak langsung, dengan tindakan-tindakan pembawa dadah ataupun tindakan-tindakan penyelewengan dari pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab, apakah cara yang lain lagi untuk pemulihan. Kita fikir. Adakah kita patut melepaskan sahaja setelah cukup fakta? Ianya mestilah mencari langkah yang sebaik-baiknya. Langkah yang dibuat oleh Kerajaan ini cukup bijak, adalah langkah pemulihan selama dua tahun untuk seseorang bagi ia balik ke jalan asalnya daripada yang telah dikotori, dibasuh dengan bantuan dan pertolongan Kerajaan, maka semoga ia dapat balik ke pangkal jalan, balik ke dalam masyarakat. Apakah itu kita tidak terfikir?

Tuan Yang di-Pertua, setiap undang-undang ataupun undang-undang umum dengan izin, general laws, tentulah ada pengecualian-pengecualian bertujuan untuk membawa keadilan. Sebab itulah diadakan peruntukan seumpama ini bagi pihak berkuasa untuk menjalankan tugas dengan sempurna. Kalau kita hanya mencari alasan kesilapan polis kerana satu, dua kes ketidakadilannya polis, kita bukan mengambil satu contoh yang baik. Memang zaman penjajah pun ada juga yang buat silap, ada juga yang menyeleweng, ada juga yang tidak disiplin. Malah dalam keluarga kita sendiri pun kalau ada lima orang anak, barangkali ada seorang yang tidak berdisiplin, yang menyeleweng, yang tidak taat, yang tidak mengikut peraturan, yang melakukan kesalahan. Tetapi undang-undang kita cukup untuk melaporkan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku sama ada poliskah, kastamkah atau siapa sahaja, jelas undang-undang kita cukup dan pihak tertentu yang tidak berpuas hati boleh melaporkan kepada pihak yang berkuasa, mana-mana penyelewengan. Tetapi contoh yang dibawa satu dua kes dalam beribu-ribu kebaikan adalah tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibawa oleh Kerajaan yang saya rasa cukup baik dari segi check and balance iaitu setiap lima tahun sekali diadakan pilihan raya. Tiap lima tahun sekali dikuatkuasakan undang-undang. Kalau hari ini didapati banyak penyelewengan, barangkali tidak dibawa ataupun tidak diteruskan pelaksanaannya. Oleh kerana sebab itulah dengan adanya lima tahun undang-undang ini, minta balik kepada rakyat ataupun minta balik daripada Ahli Parlimen sama ada sokong atau tidak, lima tahun lagi dikuatkuasakan pelaksanaan ini. Ini adalah satu

check and balance. Ini adalah satu semakan pengawalan dari segi pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tidak adil, jika pelaksanaan itu berlaku penyelewengan, sudah tentu kerajaan tidak akan membawa perkara ini saya percaya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang freedom of speech, dengan izin, ataupun kebebasan bercakap, kebebasan berbicara. Saya ingin menyatakan bahawa adakah kita masih bebas bercakap? Jika terlalu banyak dalam masyarakat ini berlaku pengambilan nyawa seseorang, adakah kita masih boleh bercakap kalau kita sudah diambil nyawa. Ini perlu kita renung. Sebab itulah undang-undang ini adalah adil bagi masyarakat kita hari ini yang menghadapi masalah najis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah masalah ini belum lagi dapat diselesaikan dengan sepenuhnya ataupun masih tidak begitu berkesan, saya percaya Ahli-ahli dalam Dewan ini termasuk peguam-peguam, akan terus prihatin, peka terhadap masalah najis dadah. Kalau sudah tahu dia pembawa dadah, trafficker dengan izin, tidak usahlah defend dia. Saya ingin mengajak kalau kita betul ikhlas, termasuk Pembangkang, kita sama-sama membanteras masalah najis dadah ini, jangan hanya dibiarkan kepada Kerajaan ataupun badan-badan seperti PEMADAM umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang saya kemukakan tadi, saya menyokong usul yang dibawa oleh Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya izinkan seorang lagi berucap. Bagan.

5.08 ptg.

Tuan P. Patto (Bagan): Saya bangun untuk turut mengambil bahagian atas usul di hadapan Dewan ini. Usul yang meminta Dewan ini melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk tempoh selama lima tahun mulai 15 Jun 1995.

Saya tidak bercadang untuk mengulangi apa yang telah pun diutarakan oleh rakan saya daripada Jelutong, Machang dan Bukit Bintang. Saya hanya mahu membangkitkan perkara berkenaan sama ada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini dipandang oleh Kerajaan sebagai satu akta yang tidak bertentangan dengan Pelembagaan Persekutuan.

Rakan-rakan saya telah pun membangkitkan tentang prinsip seseorang itu tidak bersalah sehingga disabit kesalahan di dalam sesuatu mahkamah. Kalau itulah prinsip yang dipegang oleh Kerajaan pun dan itulah prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, mengapa adanya undang-undang yang bertentangan dengan prinsip itu. Salah satu undang-undang yang bertentangan dengan prinsip itu adalah Akta ini. Dalam akta ini juga diberi kuasanya kepada Dewan ini untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa undang-undang ini. Maka dari awal lagi ia sudah bertentangan dengan prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan. Begitu juga dengan ISA. Jadi, kalau sudah daripada awal itu sudah bertentangan, bagaimana boleh datang ke Dewan ini meminta Ahli-ahli Parlimen kalau sekiranya Ahli-ahli Parlimen kesemuanya mempunyai conscience untuk meluluskan usul ini.

Kalaulah akta ini mempunyai unsur-unsur di mana seseorang pengedar yang disyaki ditangkap, didapati buktinya

cukup, maka eloklah ia dibawa ke mahkamah supaya bukti yang dianggap sebagai cukup dapat dibentangkan dalam mahkamah dan biarlah mahkamah yang membuat keputusan sama ada orang ini harus ditahan bagi maksud pemulihan ataupun sama ada orang ini patut dipenjarakan, biarlah mahkamah yang membuat keputusan. Kenapa eksekutif dan sekarang legislature ditarik masuk ke dalam perkara ini? Dewan Perundangan ditarik masuk supaya ia juga bersubahat dalam hal menafikan seseorang haknya untuk dibicarakan dalam mahkamah terbuka.

Dari aspek inilah saya berpendapat bahawa akta ini harus dipinda supaya kuasa penahanan tanpa bicara dihapuskan sama sekali daripada akta ini dan juga ISA harus Kementerian Dalam Negeri fikir menuju ke arah ini. Bukan lima tahun sekali datang ke Dewan ini dan meminta Dewan ini serta Ahli-ahlinya menyokong meluluskan resolusi.

Saya bersetuju bahawa pengedaran dan penagihan dadah itu memang berbahaya, satu ancaman yang besar bagi negara. Daripada angka yang Ahli Yang Berhormat dari Machang beri, dekat sejuta yang berdaftar dan yang tak berdaftar. Saya pun tak tahu apa PEMADAM buatlah. Kerja jenis apa PEMADAM buat ini? Yang berdaftar sudah dekat suku juta, yang tak berdaftar lebih tiga suku juta, jumlahnya sejuta. Sudah bertahun-tahun dia berkempen buang berjuta-juta ringgit, buat apa? Timbalan Menteri Dalam Negeri datang ke Dewan ini minta Dewan meluluskan resolusi supaya dilanjutkan usia kuatkuasanya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Mungkin orang-orang yang ada dalam PEMADAM ini tak berguna lagi, tak layak untuk duduk dalam Majlis-kah, Jawatankuasa-kah, baik di peringkat Kebangsaan mahupun di peringkat-peringkat lain kerana sudah terbukti

mereka tidak mempunyai upaya untuk membanteras bahaya dadah ini. Mereka yang duduk di dalam PEMADAM mungkin sudah jadi 'important', dengan izin, untuk menjalankan tugas-tugasnya. Jadi, saya bersetuju bahawa ia memang satu ancaman yang serius, yang harus kita menangani, tetapi bukanlah cara begini yang kita menangani.

Tadi ada Ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi berucap yang mengatakan usul cukup bijak. Saya tak hendak kata apalah kalau dia itu begitu bijak untuk memutuskan usul ini bijak, biarlah dia buat keputusan itu. Tetapi apa yang saya ingin mengutarakan ialah tak berguna lagi kita membawa undang-undang ataupun melanjutkan kuatkuasa tempoh undang-undang di mana ia sudah pun dari awalnya bercanggah dengan prinsip dalam Perlembagaan. Biarlah pindaan dibuat supaya kalau ada buktinya cukup, sebab Timbalan Menteri sendiri kata ada bukti; kalau tidak ada bukti, tidak ditahan. Kalau sudah ada bukti, bawalah ke mahkamah, kalau cukup buktinya. Sama ada ia tak dapat berjaya untuk dibuktikan seseorang itu pengedar dan seseorang itu melakukan kesalahan dengan cukup, itu terpulanglah kepada mahkamah. Kita harus percaya kepada kebijaksanaan hakim-hakim yang dilantik dalam negara ini, biar mereka membuat keputusan. Kenapa eksekutif dengan legislature buat keputusan ini?

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya juga ingin menarik perhatian sudah jadi satu penyakit sekarang ini di kalangan yang berkuasa. Apabila terdapat satu-satu isu di mana ia tidak dapat menangani dengan adil, umpamanya pemain-pemain bola sepak yang dikatakan berasuah ditangkap, ditahan, disoal siasat, kemudian bukan di bawa ke mahkamah, ia terus dibuang negeri

ataupun dibuang daerah untuk selama dua tahun. Kalau perkara macam rasuah yang kononnya pemain-pemain bola sepak terlibat, tak dapat pihak polis menangani dan membawa ke mahkamah, saya khuatir dengan kuasa yang ada melalui akta ini yang terletak pada Polis tidak akan disalahgunakan.

Kalau seseorang itu umpamanya seperti mana saya katakan tadi pemain bola sepak didapati buktinya cukup dalam soal siasat yang dijalankan oleh polis bahawa ia memang terlibat dalam amalan-amalan rasuah, maka bawalah ke mahkamah. Ia tak mahu, ia terus dibuang daerah dan dibuang negeri. Dan baru-baru ini mungkin pemain itu tidak dapat menyertai mana-mana pasukan bola sepak pun. Saya bukan pembela orang yang berasuah, tidak. Nasib baik Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput tak ada di sini. Kalau ada, saya akan ulang banyak perkara tentang rasuah juga. Saya bukan pembela rasuah, malah apa yang saya kata, saya pembela Perlembagaan Persekutuan, keadilan bagi orang yang ditangkap, ditahan, disoal siasat, kemudian tidak dibawa ke mahkamah, tetapi dibuang daerah! Yang Perak dihantar ke Selangor, Selangor ke Kelantan, Kelantan ke Kedah, Kedah pergi Terengganu. Ada yang ke Sabah pun, yang Sabah bawa masuk ke sini. Apa jenis keadilan ini? Inikah cara membanteras rasuah? Kalau begitu, Ahli Parlimen dari Sungai Siput tak tahu nak buang ke mana? Dia tidak dibawa ke mahkamah. 16 bulan disoal siasat oleh ACA

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila kembali kepada tajuk dadah.

Tuan P. Patto: Ya, ini cuma 'digger' sedikit, dengan izin, Tuan Speaker.

Jadi, pokoknya buatlah pindaan kepada akta ini supaya ada peruntukan (provision) bahawa orang yang disyaki dan ditangkap kalau ada bukti yang cukup dibawa ke mahkamah dan dituduh supaya ia dapat membela diri. Kalau mahkamah memutuskan ia bersalah, biarlah ia menjalani hukuman. Itu adil. Kalau kita mahu menegakkan keadilan dalam negara ini, itulah cara yang paling elok sekali.

Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri dalam soal pelaksanaan penguatkuasaan akta ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan beraninya bangun berkata bahawa tidak ada kes teraniaya di mana yang tak berdosa, yang tak bersalah ditangkap dan ditahan. Bolehkah dia berani berkata bahawa tidak ada mana-mana orang pun teraniaya di bawah akta ini? Kerana saya ada mendapat maklumat tentang kes tertentu.

Saya ingin mendapat jaminan daripada Timbalan Menteri oleh kerana kes di bawah kes-kes orang-orang yang ditahan di bawah akta ini tidak langsung dibawa ke mahkamah, maka ia tidak dapat menyuarakan, tidak dapat memberitahu kepada pihak tertentu yang dapat mendengarnya iaitu mahkamah, bahawa ia dianiayakan oleh pihak Polis. Memang ada.

Jadi, dengan itu saya berharaplah dalam jawapan nanti, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang tepat dan memberi jaminan bahawa prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tidak dicabuli malah ia dihormati, dipegang kuat dan dengan itu memberi jaminan bahawa pindaan akan dibuat pada Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan juga ISA yang

boleh memberi hak kepada orang-orang yang ditangkap, ditahan dibawa ke mahkamah supaya ia boleh membela diri atas apa sahaja tuduhan yang dibuat terhadapnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri sila jawab.

5.23 ptg.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Usul ini.

Daripada perbincangan yang telah dijalankan tadi, dapat saya meneliti bahawa kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira dari Pembangkang ataupun dari Barisan Nasional telah pun setuju bahawa dadah adalah satu masalah yang serius. Satu masalah yang kita tidak boleh ambil ringan dan semua pun setuju bahawa kita kena cuba mengatasi masalah ini.

Soal pokok di sini ialah bagaimana kita dapat mengatasinya dengan berkesan dan siapakah yang akan bertanggungjawab. Adakah itu hanya satu kerja Kerajaan, polis ataupun hanya satu tanggungjawab PEMADAM di mana orang-orang lain tidak ada tugas hanya duduk, tunggu. Kalau ada kelemahan kita kritik, kita tegur ataupun bagaimana?

Saya ingin menekankan di sini bahawa Usul hari ini bukan untuk membincang semua isi kandungan akta-akta ini. Sebenarnya Usul ini adalah Usul yang begitu simple, begitu ringkas di mana sama ada setuju ataupun tidak melanjutkan akta ini kuat kuasanya lima tahun lagi. Kalau setuju mengapa dan kalau tidak setuju mengapa? Tetapi nampaknya ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil ke-

sempatan untuk menyeleweng pergi keluar daripada hal-hal yang tidak berkaitan dengan akta itu. Itu adalah satu contoh penyelewengan yang mereka cakap. Kalau mereka sendiri pun menyeleweng, macam mana pula mereka hendak saya jaminkan bahawa tidak ada seorang pun polis itu akan sempurna tidak buat silap langsung. Itu adalah satu prinsip yang saya hendak bentangkan di sini.

Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Jelutong, dari Bukit Bintang, dari Machang, dari Bagan kesemua mereka itu menekankan satu perkara yang sama iaitu, adakah Kerajaan terutamanya pihak Polis akan melaksanakan akta ini dengan secara tidak menyalahgunakan kuasa.

Saya telah menerangkan sedikit sebanyak dalam masa saya membentangkan usul ini, kerana kesemua mereka itu adalah peguam. Saya telah meneliti hampir semua yang mengambil bahagian itu adalah peguam yang masih praktis ataupun pernah jadi majistret ataupun peguam. Jadi, semua mereka itu bijaksana — tahu apa yang telah pun termaktub di dalam akta ini. Sebenarnya akta ini daripada seksyen 3 terus sampai seksyen 11 sudah menggariskan dengan jelas tiap-tiap satu langkah yang perlu atau wajib diikuti sama ada oleh Menteri, pihak Polis ataupun pegawai yang menyiasat daripada Jabatan Peguam Negara dan sebagainya. Garis panduan sebenarnya telah termaktub di dalam sini dan akta ini merupakan checks and balance — ianya sendiri, balancing act sendiri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Biar saya habiskan dahulu ya. Sebagai contoh misal kata, kalau polis dia menahan seseorang yang disyaki terlibat dalam kegiatan dadah, seseorang polis itu dia tidak

boleh buat sewenang-wenangnya. Apabila polis itu tangkap, sekiranya masanya hendak tahan tidak kurang daripada 24 jam, 14 hari ataupun 60 hari, ada dia punya limitation di mana pangkat polis itu. Kalau polis itu Inspektor ke atas dia hanya boleh tahan untuk satu tempoh yang ringkas, semuanya termaktub dalam seksyen 3. Kalau sekiranya hendak lebih daripada 14 hari dia mesti rujuk kepada Timbalan Penguasa Polis, di mana Timbalan Penguasa Polis kena maklum kepada Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Negara kena maklum pula kepada Menteri Dalam Negeri, semua itu adalah merupakan satu check and balance.

Di samping itu apabila sesuatu laporan siasatan telah dilengkapkan oleh pihak Polis, laporan itu akan didouble check, akan disiasat semula. Satu siasatan independent akan dijalankan oleh pegawai penyiasat dan satu pasukan pegawai penyiasat bukan daripada polis, mereka ini adalah daripada Jabatan Peguam Negara yang semuanya mesti atau wajib kena ada pengetahuan undang-undang, mereka kena membuat satu laporan siasatan tersendiri dan kesemua laporan itu serentak dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri pun ada pegawai-pegawai yang berpengalaman double check sebelum diambil untuk dipertimbangkan oleh Menteri Dalam Negeri. Saya kira di situ sudah ada act of balancing — itu untuk tahanan baru. Bagi lanjutan pula mereka diwajibkan dan boleh membawa perkara itu kepada selain daripada pusat pemulihan dan jawatankuasa mengkaji prestasi seseorang itu dalam Pusat Pemulihan Akhlak, kemudian Lembaga Penasihat juga memainkan peranan yang penting dan Lembaga Penasihat itu bukan lembaga yang kita suka-suka sahaja, ianya dilantik mengikut undang-undang dan mereka itu akan mencadangkan, kerana ada seksyen di mana Menteri diwajibkan oleh lembaga.

Kalau sekiranya lembaga telah memutuskan supaya Menteri bebaskan seseorang itu apabila tempoh sudah tamat, maka Menteri ikut nasihat lembaga itu atau akta ini sendiri. Banyak lagi seksyen-seksyen sebenarnya sudah adakan

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Nanti, saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Ong Ka Ting: Nanti saya beri — saya beri nanti, saya belum habis. The balancing dalam akta itu sebenarnya dari segi pelaksanaannya ada juga tapisan yang dilakukan oleh polis dan juga Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Ya, Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya faham peraturan-peraturan itu memang termaktub dalam akta itu dan saya bangkitkan dalam ucapan saya tadi, ialah apakah asas-asas tahanan? Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum. Misalannya di bawah seksyen 27, Akta Keterangan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"A person can be arrested on a reasonable ground that an offence has been committed".

Maknanya atas asas penahanannya bahawa munasabah, syak yang munasabah, bahawa satu kesalahan telah berlaku. Yang saya hendak tahu sekarang ini apakah yang digunakan oleh pihak yang berkuasa dalam meletakkan tahanan seseorang, misalannya ada tiga bukti bahawa beliau terlibat dengan dadah sebelum daripada ini. Atau pun ada satu bukti ataupun ada sepuluh bukti baru boleh letak di dalam tahanan. Itu yang saya hendak faham. Apakah asas-asas penahanan, itu maksud saya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila sesuatu laporan yang dikatakan telah lengkap dihantar kepada Menteri, biasanya Menteri akan semak asas-asas tahanan itu. Selalunya boleh dikatakan all the time, sesuatu siasatan itu mesti ada saksi dan ada juga dia punya kejadian-kejadian yang telah dikesan oleh pihak Polis. Selalunya kes-kes ini mereka telah pun siasat untuk satu jangka masa bukan tiba-tiba, bukan terkejut. Sesuatu kes itu apabila polis sudah yakin dan puas hati bahawa seseorang itu memang adalah pengedar dan selalunya pengedar ini, pengedar serius, benar-benar telah menjual dadah dan boleh dikatakan kebanyakan kes itu telah menjual dadah bukan untuk sehari, tetapi bertahun-tahun dan dia mempunyai pelanggan tetap, tetapi saksi mereka ini begitu takut sangat. Kalau dia kena datang ke mahkamah dia tidak sanggup, tetapi mereka boleh memberikan bukti. Dengan bukti itu disiasat.

Saya tidak berhajat masuk kepada detail tetapi saya hendak memberi lebih jaminan bagi meyakinkan Dewan ini bahawa dengan adanya bukti-bukti, asas-asas tertentu baru polis membuat satu tangkapan dan tangkapan itu ditapis di beberapa peringkat. Ini kena memuaskan hati Menteri Dalam Negeri, barulah sesuatu tahanan itu ditandatangani. Kalau sekiranya berlaku apa-apa penyalah-

gunaan kuasa, keluarga seseorang itu masih boleh mengadu, dia masih boleh membuat prestasinya dan kalau sekiranya pegawai penyiasat dari KDN itu menyiasat, ada ground — masih kita kaji.

Sememangnya selama ini apa-apa juga sistem yang begitu baik ianya mesti ada sesuatu kelemahan yang tidak disengajakan dalam segi pelaksanaannya. Tidak ada sesiapa pun ataupun tidak ada satu Kerajaan pun di dunia ini berani dan sanggup mengatakan bahawa dia jamin sistem perundangannya itu dalam pelaksanaannya, satu kesilapan pun tidak ada. Saya rasa tidak ada satu pun. Pada hal, pada keseluruhannya negara kita Malaysia ini prestasi imej perundangan dan penguatkuasaannya boleh dikatakan pada keseluruhannya imejnya baik. Kecuali kadang-kala Pembangkang suka membangkitkan soal ISA di arena antarabangsa sampai apa yang mereka tegur, bangkit dan tekankan itu seolah-olah macam negara ini tidak baik. Gambaran itu diberikan oleh mereka dan bukan oleh Kerajaan sendiri. Ini bukannya kerana kita suka-suka hendak buat tetapi hari ini kalau kita hendak bincangkan tentang hal-hal ISA dan undang-undang yang lain pada petang ini hanya untuk satu usul ini, saya rasa tidak betul dan tidak kena pada masanya.

Saya cadangkan kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang kalau hendak kaji semula, hendak pinda, hendak hapus atau hendak batal, buatlah usul mengikut peraturan Parlimen. Hari ini kita hanya hendak setuju atau tidak dilanjutkan masa.

Tuan Yang di-Pertua, . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Jelutong minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tadi ada checks and balances. Beliau ada merujuk kepada seksyen 3 dan seksyen-seksyen yang lain dan juga seksyen 10 di mana beliau menyatakan, jikalau satu rekomendasi ada dibuat oleh Lembaga Penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk seorang tahanan dibebaskan dan Kerajaan terima rekomendasi itu seorang tahanan itu adalah dibebaskan.

Dia menyatakan soal checks and balances, tetapi di bawah peruntukan 11C — checks and balances yang di-‘provided for’, dengan izin, oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan, jikalau ada suatu rayuan, mengapa checks and balances itu Kerajaan tidak terima apabila ada seseorang dibebaskan oleh mahkamah? Ditahan semula? Kenapa? Ada dinyatakan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen dalam Dewan yang mulia ini, oleh kerana apa yang diputuskan oleh mahkamah adalah atas satu technical point, oleh kerana teknikal, Kerajaan ada hak untuk menahan semula.

Tuan Speaker, apa yang saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ini, walaupun teknikal, apa yang masuk dalam peruntukan seksyen 11C adalah ini:

“Jikalau ada kesilapan teknikal, bahawa satu procedural requirement in this act has not been followed, iaitu technical dan jikalau Parlimen ini apabila meluluskan Akta ini, khasnya peruntukan itu jikalau ada satu technical defect, mahkamah ada kuasa untuk membebaskan seseorang”. Kenapa apa yang ada diluluskan oleh Parlimen tidak dihormati oleh Kerajaan apabila seseorang ada dibebaskan oleh mahkamah? Bukankah ini satu check and balance yang utama? Satu keputusan daripada Mahkamah

Tinggi? Dan selepas itu jikalau ada rayuan ke atas satu keputusan daripada mahkamah yang utama dalam negara ini — Mahkamah Persekutuan — adakah Kerajaan tidak menerima keputusan-keputusan oleh mahkamah?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah sampai kepada point yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong bukan kali pertama, sudah banyak kali dalam beberapa tahun ini. Apa yang Yang Berhormat Jelutong itu tekankan kalau kita tidak tahu apa sebenarnya kes yang dia sebutkan, kita percayalah memang seolah-olah mahkamah lepaskan dan selepas itu Kerajaan tangkap, seolah-olah macam tidak menghormati mahkamah. Tetapi Yang Berhormat Jelutong itu tidak jelaskan apa sebab mahkamah melepaskan seseorang tahanan, atas sebab apa dan kemudian bagaimana Kerajaan atau polis menangkap balik kes yang sama itu.

Selama ini Yang Berhormat telah menjawab separuh tetapi yang separuh hakikat itu dia tidak cakap. Seseorang itu ditahan dan Yang Berhormat sendiri sebagai peguam, sebenarnya dia sudah ada interest di dalam ini tetapi tidak apalah kita bincang. Beliau adalah peguam, dia bawa pergi ke mahkamah dan di situ dia telah fight on procedural technical point. Saya tahu ada kes-kes kadang-kadang Menteri atau Timbalan Menteri tidak initial sesuatu amendment yang kecil, katalah petang atau pagi. Bila sudah potong pada petang atau pagi hari, dia tidak initial di tepi, maka itulah jadi satu point yang Yang Berhormat dapat bawa ke mahkamah *habeas corpus*, dia berjaya melepaskan. Adakah dengan alasan teknikal, yang dilepaskan sebab satu initial telah tidak ditandatangani di situ seseorang pengedar yang kita tahu begitu serius penglibatannya dalam kegiatan itu, kita lepaskan dia? Sebab

mahkamah sudah melepaskan dia on just a small technical point — initial itu tiada — oleh sebab itu kena hormat mahkamah dan polis tidak payah tangkap balik orang itu.

Dari segi procedural, apa yang polis buat ialah dia betulkan apa yang dikatakan silap oleh mahkamah. Kalau mahkamah ingat initial itu tidak lengkap, maka tangkapan semula itu ialah melengkapkan initial itu. Ia tidak menyentuh langsung substantif, tiada kandungan pun.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Tidak payah, kita hanya membuang masa.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Penjelasan, Yang Berhormat. Tetapi you sopan sedikit! Kalau sopan sedikit saya beri.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Ini tidak sopan! Saya tidak beri, tidak beri!

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berani!

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri!

Tuan R. Karpal Singh: Misleading the House, tadi. Ini bukan 'koma' atau 'fullstop' tetapi lebih daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak mahu beri jalan oleh kerana takut.

Tuan Ong Ka Ting: Tidak beri! Tidak beri! Saya teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Do not mislead the House.

Tuan Ong Ka Ting: Jangan cakap, yang mislead the House is you.

Tuan R. Karpal Singh: Technical point (*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong, minta duduklah, dia tidak mahu beri jalan! Minta teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengkaji, tiap-tiap kali dia ingat saya tidak tahu, kali ini saya betul-betul mengambil masa mengkaji kes dia, saya kaji selama ini dan saya tahu apa yang dia menang, saya tahu *habeas corpus* semua itu teknikal, semua itu procedural punya.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habiskan, nanti!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri!

Tuan Ong Ka Ting: Nanti, kalau sopan-sopan nanti ada peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti dia beri, sila duduk Yang Berhormat. Minta teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, penerangan yang penting saya rasa hari ini perlu kita beri kepada Dewan yang mulia ini dan juga meyakinkan lagi Dewan ini ialah selama ini apabila satu *habeas corpus* telah berjaya diluluskan oleh mahkamah, adakah itu

bermakna seseorang pengedar yang kita tahu dengan bukti, dengan macam-macam saksi sudah pastikan orang itu boleh kita lepaskan terbiar macam itu, supaya orang itu teruskan mengancam masyarakat kita sampai lebih banyak lagi keluarga itu akan terus menderita, terus hancur. Adakah itu kepentingan individu penting ataupun kepentingan umum, kita bandingkan adakah subjek itu penting dari segi undang-undang ataupun kepentingan orang awam yang lebih penting?

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa kehendak Seksyen 11C apabila peruntukan akan dimasukkan dalam akta ini? Bukankah kehendak ini jikalau ada satu procedural defect bahawa mahkamah ada kuasa untuk pembebasan seseorang? Jikalau kehendak seperti itu tidakkah apa yang expected untuk menghormati keputusan itu? Jikalau bukan kehendak itu, kalau tidak mahu menghormati keputusan mahkamah, tak payah ada peruntukan 11C dalam akta ini, lebih baik menghapuskan apa yang ada di sini, tak payah memalukan mahkamah, memalukan negara dalam kaca mata antarabangsa, bersetuju?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya tak mahu menggunakan perkataan yang nanti dia marah sangat, tetapi saya hendak terangkan yang 11C yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, 11C ini memang untuk supaya memastikan Akta ini dari segi procedural, dia punya prosedur itu semua diikuti oleh Menteri ataupun pihak yang berkuasa. Kalau sekiranya ada mana-mana satu langkah dari segi

procedural tidak diikuti, maka boleh pergi ke mahkamah cabarkan atas sebab procedural itu, tetapi itu tidak dapat melindungi seseorang itu daripada kesalahan sebenarnya.

Jadi, soal pokok di sini, saya bersetuju apabila mahkamah bebaskan atas 11C ini sebab memang akta ini membenarkan, tetapi mahkamah boleh bebaskan tetapi ini tidak bermakna pihak Kerajaan tidak boleh menangkap dia semula dengan membetulkan apa yang dikatakan silap. Kalau sudah betulkan tak boleh tangkap juga, apakah prinsip ini?

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, sudah banyak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri!

Tuan Ong Ka Ting: Dan apabila tangkapan semula itu sudah mematuhi undang-undang, kalau tidak mematuhi undang-undang saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak akan lepaskan Kerajaan, dia pergi ke mahkamah lagi dan sekali lagi lepas, cuba lagi kali yang kedua tengok boleh lepas atau tidak, sebab sudah betul apa lagi dia hendak mencari kelemahan? Yang penting hari ini saya hendak menekankan di sini ialah yang 4,000 . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Tak payahlah, jangan membuang masalah!

Tuan R. Karpal Singh: Tak berani!

Tuan Ong Ka Ting: Tak payah cuba irritate, berani tak berani.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri, saya ada banyak lagi perkara, tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri! Ya, teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini undang-undang ini bukan . . .

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri bangun!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya minta penjelasan sedikit. Saya ingat wakil Jelutong bangun melawan-lawan sebenarnya peluang yang mana penjenayah ditangkap semula itu amat baik untuk kewangan dia sendiri, sepatutnya dia puji, sepatutnya dia sokong usul ini. *(Ketawa)*

Tuan Ong Ka Ting: Saya serahkan kepada kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat, tak payah saya membuat kesimpulan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan lagi satu perkara di sini ialah Akta ini untuk menjamin supaya masyarakat kita ini dilindungi dan ancaman dadah ini saya boleh beri satu penjelasan yang boleh dikatakan sangat yakin, kalau sekiranya tidak ada akta ini, saya tak boleh imagine, dengan izin, negara kita akan jadi macam mana. 4,000 lebih pengedar dadah itu kalau semua berkumpul di Kelantan, apa akan terjadi? *(Ketawa)* Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Machang, semasa sudah di pasar malamlah jual dadah, saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Akta dadah ini kita kenakan bukan orang-orang biasa sahaja, sampaikan

kalau ada pegawai Kerajaan termasuk polis, termasuk warder prison, kalau mereka mengedar dadah kita masuk dalam akta ini dan sudah ada contoh yang semacam ini, kita masukkan kaki-tangan Kerajaan, kalau dia melakukan kesalahan yang sama dan sama rata di depan akta ini.

Jadi, kalau sekiranya tidak ada akta ini, maka apa yang akan berlaku ialah kalau Kerajaan hendak mendakwa seseorang itu, bila sudah mengetahui kegiatan mereka itu adalah dadah trafficking and very obvious terpaksa menggunakan 39B — gantung mati, 39B no choice — mati mandatori.

Tetapi apabila kita tengok sebenarnya seseorang itu kalau pergi ke mahkamah, kalau boleh dapat sempurnakan bicara itu dia dihukum mati tetapi dia bernasib baik kerana ada dia punya saksi-saksi tak berani hendak hadir ke mahkamah, dia takut nanti dia kena balas dendam oleh geng-geng mereka ataupun keluarga mereka dianiayai, tetapi kita terpaksa melindungi saksi-saksi ini. Dan oleh sebab saksi itu tak berani, mereka yang sepatutnya digantung mati itu telah pun diselamatkan dan ditukar dengan apa? Dua tahun pemulihan di Simpang Renggam, di Muar selepas itu lanjut dua tahun lagi — empat tahun, lanjut lagi — enam tahun, keluar. Dia telah diselamatkan!

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Tak payahlah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Machang, saya rasa Machang itu dia ada fakta sedikit, saya boleh beri jawapanlah. *(Ketawa)*

Selalunya anggaran penagih ini, hari ini Malaysia ada sistem yang telah pun kita lengkapkan kerana kita tak boleh mengikut mana-mana satu negara anggaran itu seorang keluarga darab empat. Mungkin pada satu ketika negara kita cuba-cuba ikut tetapi pada akhirnya nampak tak boleh sebab kita sudah ada akta untuk penagih dan semua mereka wajib untuk diuji dan sebagainya dan daripada sistem di negara kita ini, yang benar-benar mendaftar itu 100,891 yang Kerajaan ingat itu adalah on the record. Yang tidak on the record anggaran kita tidak berani darab dua, tiga, empat kerana Kerajaan rasa angka itu besar sangat. Lagi pun penagih-penagih di negara kita merupakan penagih 98% lelaki — wanita kurang. Dia punya patent tak sama dengan luar negeri, kalau dia campur-campur, dia punya faktor kekeluargaan itu boleh kita darab-darab; di sini kita tidak boleh berbuat macam itu, telah pun ada satu Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan yang wujud secara lengkap sejak tahun 1988, maka lebih selamat kita pegang kepada sistem itu yang kita telah mulakan sejak tahun 1988. Tiap-tiap kali kita menangkap penagih, kita masukkan dalam rekod, uji sama ada namanya sudah masuk komputer ataupun belum, kalau sudah dimasukkan dia adalah orang lama, kalau baru dia tambah.

Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, penagih dadah kita tangkap dalam tahun-tahun kebelakangan ini sangat membimbangkan, ianya merupakan on the average kira-kira 700 lebih sebulan penagih baru, on the average every month, tiap-tiap bulan kita tangkap 700 lebih yang baru. Dan ini saya tahu ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang dia akan mempersoalkan, undang-undang telah digubal mengapa penagih dadah masih banyak lagi?

Saya boleh memberi jaminan kalau sekiranya tak ada undang-undang ini mungkin angka itu akan meningkat empat kali ganda, mungkin keluarga tiap-tiap seorang dari kita yang mempunyai pertalian keluarga atau saudara dari setiap orang dari kita akan ada seorang yang sudah terlibat dalam penagihan dadah. Dan Malaysia pada hari ini, boleh dikatakan kita sangat serius dengan hal ini tetapi tak boleh hanya bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Saya tidak bersetuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Bagan yang menyatakan

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Masa suntuk, saya ingat tak payahlah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sedikit sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Okay, yang akhir!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak hendak berkelahi dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya hendak bercakap demi kepentingan orang ramai. Yang Berhormat sedar atau tidak, dalam soal penyalahgunaan dadah, saya bersetuju barangkali 700 orang satu hari memang tepat dan saya pernah ke mahkamah, saya tengok tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa cukup-cukup menggerunkan. Persoalannya, pernah dibangkitkan oleh pihak Polis kepada saya sendiri, dia kata kalau hendak tangkap semua penagih-penagih dadah ini tidak ada tempat hendak simpan. Maka sebahagian besarnya mereka itu dibiarkan berkeliaran di sana-sini, terus menagih tanpa ada sekatan dan batasan. Yang

Berhormat sedar atau tidak tentang perkara ini? Tanyalah pihak Polis, terutamanya di negeri Kelantan di mana tempat yang menjadi tumpuan, polis menghadapi masalah penguatkuasaan yang amat besar sekarang.

Satu lagi di hospital. Apabila ujian air kencing dijalankan, diberi tempoh 14 hari, kadang-kadang dalam hospital itu penuh, tidak cukup kakitangan dan tidak cukup tempat. Maka, yang sepatutnya ditahan, dibebaskan dan yang sepatutnya ditahan semula terus dibiarkan berkeliaran.

Saya rasa pihak Kerajaan dan Yang Berhormat setuju atau tidak supaya mengkaji perkara ini secara serius. Satu lagi gejala baru, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, masalah penyalahgunaan ubat batuk, ini satu perkara yang amat nyata sekarang — ada setengah penagih dadah yang tidak boleh mendapat ganja, tidak boleh mendapat morphine, dia kembali kepada ubat batuk dan menghidu gam. Ini pun satu gejala yang amat serius sekarang, kerana hendak mengelakkan ketagihan tadi. Saya percaya akta yang ada sekarang tidak mencukupi perkara-perkara yang bersabit dengan gam dan ubat batuk ini. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, saya setuju dari segi gejala itu. Sebenarnya gejala ini juga dibangkitkan oleh Kerajaan dalam satu dua tahun ini dan sebenarnya Kerajaan lebih bimbang daripada rakyat umum yang tidak tahu sangat keadaan sebenar. Saya baru hendak sentuh perkara ini. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada penguatkuasaan sahaja. Masyarakat umum mesti mengambil bahagian. Saya juga tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan di mana dia menghentam PEMADAM. PEMADAM

ini ialah NGO yang tidak mempunyai gaji — Dato' Lee Lam Thye sudah ada di sana, adakah you tidak sedar? *(Ketawa)* Mereka tidak mengambil upah.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: PEMADAM sepatutnya

Tuan P. Patto: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: *(Menyampuk)*

Beberapa Ahli: Duduklah.

Tuan Ong Ka Ting: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta teruskan.

Tuan P. Patto: Jangan main-main, kalau hendak beri jalan, beri jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tidak main-main, okay. Kalau you sopan saya berilah.

Tuan P. Patto: Saya sopan.

Tuan Ong Ka Ting: Okay, saya beri you peluang, you tanyalah apa yang hendak tanya, jangan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Jangan panggil "you", panggil Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan P. Patto: Kalau itu pun tidak tahu, tidak layak menjadi Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak minta jalan?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya bersopan sungguh. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang berasal dari negeri saya juga, asalnyalah, bolehkah dia memberitahu sama ada Ahli-ahli dalam PEMADAM (*Diganggu*), monyet-monyet yang duduk di belakang itu siapanya? Ada monyet — monyet-monyet.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan P. Patto: Bukan? Kalau bukan tidak apa. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order kerana, Yang Berhormat?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 36.6.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan jahat. Dia kata monyet duduk di belakang ini. Nanti kalau kami cakar belakang 'hang', baru 'hang' tahu!

Tuan P. Patto: Bukan, belakang itu bererti di luar Parlimen sana.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hei "botol toyu", diam. Tutup mulut "botol toyu".

Tuan P. Patto: Tidak faham dia ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini botol kicap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tarik balik perkataan itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tarik balik perkataan tadi, kalau tidak saya tidak duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak tujukan perkataan itu kepada individu, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Saya tidak tuduh kepada mana-mana anggota, apalah you.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya mintalah kepada Yang Berhormat, jangan ulangi perkataan itu.

Tuan P. Patto: Baca sekali lagi standing order itu. Yang Berhormat patut baca sekali lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya baca, saya lama juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Saya tidak kata lama — baru.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak pencen satu penggal, you pencen.

Tuan P. Patto: Kenapa bergaduh dengan saya? Buat apa? Saya tidak sebut siapa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta tarik balik.

Tuan P. Patto: Saya tidak sebut siapa — monyet. Dia pula meloncat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Bagan, minta teruskan.

Tuan P. Patto: Kenapa dia meloncat, saya tidak kata dia kera, monyet. Tidak ada, saya tidak kata.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau dia kata kami monyet, dia "Orang Utan" (*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan P. Patto: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sudah minta jalan!

Tuan P. Patto: Tidak, tadi dia membuat tuduhan terhadap saya, saya tadi tidak kata siapa monyet, tidak ada. Dia meloncat, kemudian dia pula mengatakan saya ini "Orang Utan", dia kena tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak dengar tadi, dia kata apa, Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan P. Patto: Tuan Speaker kena buat satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak dengar apa yang dia cakap, terlalu ramai orang bercakap. Saya tidak tahu apa yang dia cakap, Yang Berhormat beri penerangan.

Tuan P. Patto: Boleh kita dengar tape rakaman itu, esok? Bukan hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Okay, boleh.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta teruskan.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa PEMADAM ini adalah NGO yang tidak menerima apa-apa gaji dan sebagainya. Tidakkah mereka yang di dalam PEMADAM itu menerima elaun dan sebagainya? Dan tidakkah ada peruntukan daripada pihak Kerajaan untuk PEMADAM menjalankan kerja-kerjanya. Sekiranya ada, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh PEMADAM dalam usaha untuk membanteras penagihan dadah dan juga mengedarkannya. Itu sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa PEMADAM merupakan NGO — ia bukan satu badan Kerajaan dan ianya bukan merupakan satu pertubuhan yang tunggal untuk kita bergantung kepadanya bagi mencegah dan memerangi dadah.

Sebenarnya, PEMADAM (Persatuan Mencegah Dadah Malaysia) ini hanya boleh complement and supplement, dengan izin, dan mereka yang duduk di Lembaga (Board) itu tidak menerima apa-apa. Sebenarnya, mereka bukan sahaja tidak terima, tetapi terpaksa pula pergi mencari wang dari luar, terpaksa selalu pergi meminta daripada peniaga-peniaga yang mendapat untung supaya memberi kepada mereka wang yang lebih sedikit. Itu pun tidak cukup. Kalau bergantung kepada itu sahaja, habislah, negara kita tidak boleh bergantung kepada PEMADAM sahaja, tidak cukup.

Sebab ini adalah satu masalah besar dan saya menyerulah kepada semua, terutamanya kepada Wakil Rakyat supaya menggunakan pengaruh mereka di dalam kawasan masing-masing dan dalam negeri masing-masing, dalam persatuan-persatuan sukarela yang mereka melibatkan diri masing-masing, untuk melibatkan diri dalam memerangi dadah. Sebab kesedaran masyarakat itu boleh dikatakan lebih penting. Kesedaran masyarakat, kalau tidak ditingkatkan kempen sehingga semua orang awam tidak sama-sama mencegah salahguna dadah ini dan hanya dengan mengharapkan penguatkuasaan, kita tidak akan boleh berjaya. Itu saya perkara yang saya pasti dan saya harapkan, mengenai dadah ini saya tidak mahu gaduh dengan sesiapa. Sebab ini adalah perkara yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Macang telah pun mencadangkan supaya keempat-empat akta itu disatukan dan saya rasa pandangan itu boleh kita teliti sejauh mana ianya praktikal dan sejauh mana ianya dapat diambil ideanya. Mengenai program besar-besaran, hasrat Kerajaan ialah memang ingin mengadakan program besar-besaran — seperti program kepada orang-orang muda, kita adakah Program Rakan Muda. Jangan ingat program-program itu hanya main bola sahaja. Program-program itu ada implikasi jangka panjang dan semua

Kementerian-kementerian, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan semuanya ada peranan yang tertentu, tetapi kita hendak melibatkan lebih ramai lagi orang daripada luar. Saya telah tekankan tadi bahawa kebanyakan point-point yang telah dibangkitkan tadi itu adalah di luar daripada akta ini dan saya mencadangkan, supaya pada masa yang sesuai dan dalam Usul yang sesuai, baharulah kita bincangkan berkenaan dengan hal-hal itu.

Yang Berhormat Arau, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau dan juga Batang Lupar kerana begitu positif, begitu menyokong supaya usaha Kerajaan ini benar-benar boleh berkesan, kita perlulah sokongan yang membina, yang telah dapat memberikan pandangan yang begitu bernas.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu saya rasa perlu saya jawab. Yang lain-lain itu nampaknya dia terkeluar sedikit daripada Usul ini dan dengan itu, sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak sempat saya jawab, saya beri jaminan bahawa Kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah berikut bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut Subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun mulai 15 Jun 1995.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut Subseksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun mulai 15 Jun 1985.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

6.02 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat dan takzimnya mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman, yang telah berkenan membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Kesembilan, pada hari Khamis, 8 Jun 1995 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Usul saya adalah seperti berikut:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia, di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Syukur Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan keizinan-Nya, Yang di-Pertuan Agong,

Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di pembukaan Penggal Pertama, Parlimen yang Kesembilan, Khamis yang lalu.

Keprihatinan Baginda terhadap seluruh aspek kehidupan yang mencakupi perkembangan dan kemajuan iktisad, kemantapan siasah, kesejahteraan ummah, ketinggian akal-budi, kejernihan serta keluhuran minda serta permuafakatan kaum yang abadi seperti yang dirumuskan di dalam Titah Ucapan, membuktikan bahawa institusi Raja Berperlembagaan di negara ini masih tetap mulia, tetap unggul dan sentiasa berpaksikan kepada aspirasi rakyat yang mendukung sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen.

Saya juga bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana telah diberi kepercayaan oleh Tuan Yang di-Pertua dan pucuk kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional untuk membentangkan Usul ini, apatah lagi apabila hari ini adalah juga hari lahir saya. *(Tepuk)*

Bagaimanapun, izinkanlah saya terlebih dahulu, dengan takzim dan secara rasminya mengucapkan syabas serta tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah diberi mandat baru untuk memimpin Dewan yang mulia ini buat ke sekian kalinya. Inilah bukti bahawa kebijaksanaan ataupun ‘wisdom’ Tuan Yang di-Pertua masih lagi diperlukan dan selaras dengan tuntutan zaman. Mudah-mudahan kepimpinan Tuan Yang di-Pertua akan meningkatkan lagi martabat Dewan Rakyat dan Parlimen Malaysia seluruhnya. Ucapan syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri dan sahabat saya dari Ampang Jaya yang kedua-duanya telah diberi mandat semula sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Sebelum saya melanjutkan ucapan ini, wajarlah juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pengerusi Barisan Nasional merangkap Perdana Menteri kerana parti dan Kerajaan pimpinannya telah mencapai kemenangan buat kesembilan kalinya menerusi Pilihanraya Umum pada 25 April 1995 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Barisan Nasional menguasai 162 daripada 192 kerusi Dewan Rakyat kali ini adalah yang paling gemilang dan yang amat cemerlang sekali dalam sejarah Pilihanraya Umum di Malaysia. *(Tepuk)* Inilah bukti Barisan Nasional yang mengamalkan kesederhanaan dan mewakili seluruh rupa bangsa Malaysia adalah organisasi siasah yang paling unggul, pragmatik, berkesan dan menjadi pilihan utama majoriti rakyat Malaysia yang sentiasa menghargai ketenteraman awam, keselamatan negara, perpaduan nasional dan kesejahteraan ummah.

Mandat besar ini adalah satu endorsement, adalah satu pengiktirafan rakyat kepada kebijaksanaan Barisan Nasional menguruskan negara secara adil dan efisien. Paling khusus lagi, mandat besar tersebut adalah pengiktirafan majoriti bangsa Malaysia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Wawasan 2020, iaitu wawasan yang, Insya-Allah, akan melonjakkan lagi tahana, tahap dan martabat bangsa dan negara ini ke satu taraf kecemerlangan yang total dalam semua aspek kehidupan, baik fizikal ataupun minda, di abad yang ke-21 kelak.

Seperti yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong Khamis lalu, kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini, "membuktikan bahawa segala rancangan pembangunan negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 direstui oleh semua pihak".

Sebab itulah Baginda amat optimis bahawa Malaysia memang pasti akan menjadi "sebuah negara paling makmur, stabil dan aman di dunia di abad yang akan datang".

Tuan Yang di-Pertua, lantaran itulah Yang di-Pertuan Agong menyeru seluruh rakyat supaya meningkatkan lagi usaha pembinaan suatu bangsa negara yang lebih kukuh, lebih sejahtera, cemerlang, rukun dan damai di masa akan datang. Titah Baginda, proses membina kekuatan negara bangsa ini janganlah terus-menerus diharu-birukan dengan politik adu-domba yang berlandaskan sentimen kaum dan berasaskan sikap fanatik serta ekstrimis agama.

Moga-moga Kumpulan 9876 yang terdiri dari 9 Ahli Parlimen DAP, 8 Ahli PBS, 7 Ahli PAS dan 6 Ahli Parti Melayu Semangat 46 dalam Dewan yang mulia ini insaf bahawa politik perkauman yang sempit dan politik yang memperalatkan agama memang semakin ditolak oleh majoriti rakyat Malaysia menerusi Pilihanraya Umum yang lalu. *(Tepuk)* Jika tidak, tentu Pulau Pinang hari ini diperintah oleh seorang Robocop. Kalau tidak, tidak mungkin Barisan Nasional dapat memenangi dua Kerusi Parlimen dan 7 Kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan. Jika tidak, tidak mungkin Barisan Nasional Johor, kepimpinan Menteri Belia dan Sukan sekarang, berjaya mencatatkan rekod kemenangan 100% bagi seluruh Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan sokongan rakyat kepada Pembangkang di Semenanjung juga dicerminkan menerusi kelebihan undi yang diperolehi oleh tokoh-tokoh besarnya. Kelebihan undi yang diperolehi oleh Mr. Robocop dari kawasan Parlimen Tanjong merosot dari 17,469 pada tahun 1990 kepada hanya

6,895 sahaja baru-baru ini. (*Tepuk*) Presiden Parti Melayu Semangat 46 yang ditentang oleh sebuah parti baru dengan calon baru yang tidak terkemuka hanya memperolehi majoriti sebanyak 467 undi, iaitu dari 13,249 dalam tahun 1990 kepada 13,716 baru-baru ini. Begitu juga halnya dengan Ahli Parlimen dari Marang. Pertambahan majoriti undinya kali ini hanya 532 dari 350 kelebihan undi dalam tahun 1992. Inilah kedudukan tokoh-tokoh Pembangkang yang hari ini berada di dalam Dewan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dari Tanjong memberi tahu *Asiaweek* 9 Jun 1995, beliau tetap tidak mahu mengakui bahawa DAP telah ditinggalkan oleh sebilangan besar komuniti Tionghua di Malaysia menerusi Pilihanraya Umum yang lalu. Lalu beliau pun berkata bahawa memang sewajarnya DAP menganalisis erti Pilihanraya Umum 25 April yang lalu. Jika ia bermakna penolakan rakyat terhadap dasar DAP, kata Ahli dari Tanjong, maka DAP akan menimbang sama ada akan tutup kedai. "If so, then may be the DAP will have to consider closing shop", katanya kepada *Asiaweek*.

Tuan Yang di-Pertua, inilah ciri-ciri perjuangan DAP dan Pembangkang lainnya di Malaysia sekarang. Realiti politik semasa yang menolak kehadiran mereka terus diketepikan. Sebaliknya, mereka menjadikan media massa tempatan sebagai "kambing hitam" kepada kekalahannya. Sebab itulah media massa tempatan sentiasa dikecam, sentiasa dikecam dan diperkosa kredibilitinya. Sebab itulah DAP gemar membakar surat khabar. Sebab itulah amalan membakar surat khabar serta mengkasari pihak media massa tempatan kini menular kepada PAS. Sebab itulah golongan PAS juga

dilaporkan sebagai telah mengkasari krew TV3 sewaktu pilihan raya umum lalu sehingga individu yang dikasari terpaksa dimasukkan ke hospital. Karenah seperti ini adalah suatu perbuatan yang saya kutuk dan tidak harus diulangi oleh mana pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, karenah "robocop" yang tersungkur di kaki Ketua Menteri Pulau Pinang baru-baru ini adalah pula satu sensasi politik picisan. Sejak satu dekad yang lalu, Ahli Parlimen Tanjong mesti meletakkan jawatan Setiausaha Agung DAP selepas pilihanraya umum, kononnya atas nama akauntabiliti atau kepertanggungjawabannya terhadap kekalahan tersebut.

Tetapi jawatan tersebut akan disandang semula tidak lama sesudah itu. Kali ini pun begitu juga. Sesudah gagal jadi Robocop, beliau pun meletakkan jawatan. Tidak beberapa hari selepas itu, beliau sandang kembali jawatan berkenaan. Agaknya, kalaulah ada Medal Rekod Guinness bagi pemimpin politik yang gemar meletak jawatan dan lepas itu menyandang semula jawatannya, medal tersebut pastinya dimenangi oleh Ahli dari Tanjong! (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, jadi, apapun yang akan dikatakan oleh Ahli dari Tanjong kali ini, biarlah saya nyatakan terlebih dahulu kepadanya, bahawa kalau sudah berfikir hendak tutup kedai seperti yang dinyatakan kepada *Asia Week* tutuplah kedai dengan segera.

Tidak payah fikir panjang-panjang lagi. Akuilah bahawa rakyat Malaysia kini semakin matang berpolitik. Mereka semakin bijaksana dalam mempertahankan amalan serta prinsip Demokrasi Berparlimen yang serasi dengan kepelbagaian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Khamis lalu, Yang di-Pertuan Agong juga berharap agar politik yang menyuburkan sifat fanatik dan esktriem menerusi agama wajar diberhentikan, demi kelangsungan negara bangsa Malaysia yang berbilang keturunan dan demi memelihara persaudaraan sesama Islam di negara ini. PAS semestinya menginsafi hakikat ini. Janganlah bercita-cita "Membangun Bersama Islam", tetapi terus menerus melindungi seorang "mujahid" yang diselubungi gerhana kredibiliti yang amat dahsyat. Janganlah bercita-cita "Membangun Bersama Islam", tetapi enggan memberhentikan propaganda songsang, kononnya umat Islam yang tidak menyokong hukum PAS adalah bukan ahli syurga. Perkara ini berlaku di dalam kawasan saya, oleh kerana saya ditentang oleh Pesuruhjaya PAS Negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya dari Parti Melayu Semangat 46 pula perlu insaf bahawa perjuangan partinya kini berada di tahap yang paling rapuh. Janganlah bernaftu besar untuk memerintah negara, tetapi hanya bertanding dengan jumlah kerusi yang tidak langsung boleh menjamin peluang untuk memerintah. Sedarlah bahawa perjuangan "gergaji dua mata" Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah adalah perjuangan yang tidak pragmatik.

Jika tidak, tidak mungkin PBS mengucapkan selamat tinggal kepada Gagasan Rakyat pada 2hb April 1991, iaitu beberapa bulan selepas Pilihanraya Umum 1990. Jika tidak, tentu DAP tidak akan mengucapkan "sayonara" kerana Gagasan Rakyat pada 25hb Januari 1995, iaitu menjelang pilihan raya umum baru-baru ini. Jika tidak, tidak mustahil Presiden Parti Melayu Semangat 46 membuat kenyataan pada 18hb Mac 1995 bahawa partinya, DAP dan PAS "akan bergerak secara sendirian tanpa

sebarang ikatan dalam Pilihanraya Umum 1995". Sebab itulah sehingga hari ini, siapa yang akan menjadi Ketua Pembangkang pun belum dapat satu consensus yang jitu dari kumpulan 9876.

Tuan Yang di-Pertua, pihak PAS dan Parti Melayu Semangat 46 hendaklah menuntasi maksud titah Yang Di-Pertuan Agong bahawa Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah yang lebih tegas demi memelihara hubungan persaudaraan sesama umat Islam.

UMNO dan Barisan Nasional memahami sepenuhnya maksud kenyataan tersebut. Sebab itulah Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang pada 10hb Jun 1995 menugaskan Biro Agama dan Biro Penerangannya untuk mengadakan perbincangan khas bagi mengkaji perkembangan serta pengaruh golongan ekstremis agama, terutama sekali pengikut PAS.

Bagaimanapun, dalam konteks ini, wajarlah dirincikan kenyataan Ahli Parlimen Marang dalam *Harakah* 5hb Jun 1995. Beliau telah dipetik sebagai berkata "bahawa Persidangan Antarabangsa Perpaduan Gerakan Islam di Istanbul, Turki, yang dihadapinya baru-baru ini, telah menggesa negara-negara Islam membebaskan diri dari belenggu pengaruh kuasa besar dunia dan sekaligus membentuk kerjasama yang padu di bidang ekonomi dan politik". Saya ulangi — "... dan sekaligus membentuk kerjasama yang padu di bidang ekonomi dan politik".

Resolusi tersebut tentu bermatlamat luhur dan murni. Inilah satu-satunya kesedaran baru umat Islam sejagat yang pastinya berdalilkan kepada realiti "Susunan Baru Dunia" yang tidak langsung mencerminkan keadilan, kebenaran dan kepentingan manusia umat Islam global.

Sebenarnya Barisan Nasional dan UMNO memang telah lama memperjuangkan kesejahteraan umat Islam di Malaysia dan di mana-mana sahaja. Perjuangan ini menepati tuntutan resolusi di atas. Tetapi, ia dilaksanakan oleh Barisan Nasional dan UMNO menerusi perspektif negara bangsa yang berbilang keturunan dan agama dan menerusi hakikat bahawa Islam adalah agama yang lengkap dan sentiasa menitikberatkan kedamaian ummah, sementara umat Islam adalah golongan pencinta damai, bukannya penganas ataupun terrorist, sebagai yang dilabelkan oleh pihak Barat. Sebab itulah Barisan Nasional dan UMNO sentiasa mencorakkan perjuangan yang positif, sederhana, proaktif dan menjurus ke suatu kecemerlangan demi seluruh umat manusia, tanpa mengira kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pendekatan demikian, umat Islam di Malaysia, insya-Allah, akan lebih sejahtera, mereka akan mampu meneruskan kerukunan hidup dengan lain-lain bangsa yang pelbagai agama, kekuasaan mereka akan terbebas dari kongkongan dunia Barat dan suara Kerajaan Malaysia pasti sentiasa berwibawa, bermaruah dan disegani oleh khalayak jagat.

Jadi, pihak PAS hendaklah mengiktiraf hakikat bahawa jika hari ini wujud sebuah kuasa Islam yang masih benar-benar bermartabat dan berdarjat, kuasa Islam itu adalah di Malaysia. Kuasa Islam itu didukung, dipelihara dan dipertahankan oleh umat Islam Malaysia yang menulang-belakangi Barisan Nasional dan UMNO. Sebab itulah Perdana Menteri Malaysia hari ini adalah seorang pemimpin bertaraf dunia. Sebab itulah beliau menjadi seorang Adi Jagat yang berkesan peranannya dan besar wawasannya.

Hakikat ini diiktiraf oleh komuniti internasional. Contohnya, seorang bekas diplomat Barat, M.S. Dobs-Higginson, dalam bukunya *"Asia Pacific — Its Role In The New World Disorder"* menyatakan bahawa Malaysia kini sedang mencatatkan namanya yang unggul di peta diplomatik antarabangsa. Perdana Menteri Malaysia, kata Higginson, adalah seorang negarawan bertaraf internasional yang disegani dan berwawasan besar. Hakikat ini katanya, membolehkan Malaysia mempunyai ekonomi yang galak, yang robusts, sehingga mencatatkan rekod pertumbuhan baru, walaupun iktisad dunia seluruhnya digugat kelembapan. Sebab itulah kata beliau, Malaysia muncul sebagai pengeksport computerchip yang terbesar sekali di dunia dan pengeluar semi-conductor yang ketiga besarnya di jagat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan asing seperti ini bermakna bahawa umat Islam di dalam UMNO dan Barisan Nasional-lah yang sebenar-benarnya jadi benteng terakhir kepada majoriti kekuasaan Islam sejagat yang sedang kucar-kacir, haru-biru, porak-peranda, sama ada akibat pertelagahan sesama sendiri ataupun akibat kedurjanaan musuh.

Majalah *Asiaweek* terbitan 2hb Jun 1995 pula mengiktiraf Perdana Menteri Malaysia sebagai seorang dari 20 tokoh terkemuka di Asia. Beliau diiktiraf sebagai spokesman, sebagai seorang jurucakap Asia. Menurut *Asiaweek*, sepanjang 14 tahun kepemimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, umat Melayu, umat Islam dan seluruh etnik di Malaysia yang lain telah berjaya menikmati satu era kemakmuran yang paling cemerlang sejak zaman kesultanan Melayu Melaka.

Segala-galanya kata *Asiaweek*, adalah hasil pendekatan kepemimpinan Perdana Menteri yang pragmatik. Sebab itulah

kata majalah tersebut, walaupun Perdana Menteri Malaysia bukannya tokoh yang membuka Malaysia, sejarah pasti akan mencatatkan bahawa beliau adalah pemimpin yang sebenar-benarnya membangunkan negara bangsa Malaysia. (*Tepuk*)

Oleh itu, apakah sumbangan positif yang telah dan akan dilakukan oleh PAS dalam konteks memelihara tahana, martabat dan darjat umat Islam Malaysia yang selama ini diperjuang, dipelihara dan dilonjakkan oleh Barisan Nasional? Adakah cukup sekadar dengan menyertai sidang-sidang Islam antarabangsa dan kemudian kembali ke tanah air dan menghebahkan resolusi sidang-sidang berkenaan kepada umat Islam di Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat dikesali kerana amalan dan nilai perjuangan PAS hari ini menjadikan majoriti umat Islam Malaysia berada di suatu persimpangan yang amat gawat. Di satu pihak, umat Islam di dalam UMNO dan Barisan Nasional, dengan sokongan dari umat Islam berbilang kaum, sedang giat, gigih dan bertungkus-lumus untuk membawa serta membina Malaysia ke arah kecemerlangan di abad ke-21. Di satu pihak yang lain, PAS dan Parti Melayu Semangat 46 terus berhempas pulas mahu menumbangkan UMNO dan Barisan Nasional. Hakikat ini tidak langsung menepati resolusi yang dihebahkan oleh Ahli Parlimen Marang bahawa umat Islam hendaklah mewujudkan kerjasama politik yang jitu. Jadi, sampai bilakah hakikat ini akan berlanjutan?

Tidak sedarkah PAS dan Parti Melayu Semangat 46 bahawa UMNO dan Barisan Nasional terbukti mampu memikul tanggungjawab membangunkan negara bangsa yang cemerlang? Sedarkah mereka bahawa UMNO dan Barisan Nasional disegani oleh dunia Islam dan bukan Islam?

Sedarkah pihak PAS dan Parti Melayu Semangat 46 bahawa Presiden Bank Pembangunan Islam, Dr Al-Faqih, pernah menyatakan di Kuala Lumpur pada 2 Ogos 1994, bahawa "Malaysia adalah sebuah negara Islam berdaya maju dan telah berjaya menonjolkan imej Islam yang tinggi di mata komuniti dunia".

Kata Al-Faqih, "Malaysia adalah negara model yang pragmatik mengenai pembangunan sosio-ekonomi, kerjasama ekonomi dan toleransi agama". Sebab itulah beliau mengkagumi usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahannya. Sebab itulah dia kata, "Malaysia amat dipandang tinggi oleh negara luar".

Sedarkah PAS dan Parti Melayu Semangat 46, bahawa seorang futuris Barat Alvin Toffler, pula memberitahu satu seminar di Kuala Lumpur pada 13 April 1994, bahawa umat Islam Malaysia adalah merupakan "ujian kepada Islam"? Jika umat Islam Malaysia berjaya memajukan negara dan rantau ini kata beliau, "mereka akan membuktikan kepada dunia bahawa Islam adalah agama yang progresif berbeza dari tanggapan negatif Barat selama ini. Menurut Toffler, jika umat Islam berjaya menjalani apa yang disifatkannya sebagai "ujian kepada Islam", beliau pasti pusat perkembangan Islam akan berpindah dari tempat tradisinya di Timur Tengah, ke rantau ini. Yakinlah, jika ini terjadi, Malaysialah yang akan menjadi pusat yang dimaksudkan oleh Toffler.

Tuan Yang di-Pertua, satu mesej penting yang tersirat di sebalik ramalan Toffler seperti di atas ialah, jika umat Islam Malaysia, baik UMNO, baik PAS, baik Semangat 46 dan seluruh jemaah perjuangannya gagal melaksanakan agenda perpaduan umat Islam setempat, sudah pasti agenda yang lebih besar, iaitu agenda memulihkan martabat, tahana serta maruah umat Islam sejagat akan turut kecundang.

Mesej ini seharusnya mendorong kebijaksanaan seluruh umat Islam di Malaysia, termasuk PAS untuk membuat satu kajian perbandingan (comparative) tentang kedudukan majoriti negara Islam dalam konteks Susunan Baru Dunia amnya, dan dalam konteks Susunan Baru Dunia Islam khususnya. Kajian seperti ini amat penting, kerana secara rambang sahaja pun sudah terbukti bahawa majoriti negara Islam sekarang tidak bermartabat tinggi dalam Susunan Baru Dunia. Darjat mereka dalam Susunan Baru Dunia Islam juga amat menyedihkan.

Negara-negara Islam ini termasuklah Palestin yang terus menerus "diperkosa" martabatnya oleh kuasa Barat menerusi strategi pelbagai dimensi. Umat Islam di sana sekarang ini terus kehilangan wajah dan terus kehilangan suara. Kesengsaraan terus melanda mereka. Kadar pengangguran di negara berkenaan setinggi 80%. Mereka terus diadukadukan oleh tangan-tangan ghaib yang mahu melihat mereka terus kucar-kacir. Baitulmaqdis terus menjadi milik eksklusif Israel-Yahudi.

Kedudukan umat Islam dan kekuasaan Islam di Iran, Libya, Syria dan Algeria pun begitu juga. Mereka menghadapi berbagai tekanan dan sekatan yang ditaja oleh kuasa Barat. Semuanya sedang dimorat-maritkan oleh pihak Barat yang berlagak sebagai pemilik tunggal supremacy universal dalam Susunan Baru Dunia mutakhir. Contoh terbaru sekali ialah sekatan perdagangan dan pelaburan ke atas Iran yang ditaja oleh pihak Washington, semata-mata kerana Iran kononnya menganjurkan keganasan antarabangsa dan cuba memperolehi senjata nuklear.

Saudia Arabia baru-baru ini dilaporkan sebagai menuju era pentadbiran muflis kerana negara berkenaan dikata-

kan membelanjakan lebih US\$60 ribu juta untuk membiayai Perang Teluk yang sebenarnya menghalalkan Amerika Syarikat dan sekutunya menghancurkan Iraq dalam tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, penghapusan etnik oleh kuasa Barat dan pengganas Serb di Bosnia-Herzegovina pula semakin berlarutan. Biar pun ratusan ribu telah terkorban dan ratusan ribu lagi lari ke negara asing, PBB dan NATO masih terus berdolak-dalik dan bersandiwara. Boutros-Boutros-Ghali terus menerus menghalalkan rakyat negara itu dibedil dan dibunuh tanpa sekali-kali diberi peluang untuk mendapat bantuan senjata untuk membela diri dan membela martabat bangsanya.

Umat Islam di Chechnya juga malang nasibnya. Menurut perkembangan yang terbaru sekali, Rejim Moscow telah pun mengerahkan seramai 40,000 bala tenteranya dengan kelengkapan perang yang hebat ke Selatan Chechnya. Menurut laporan-laporan akhbar, seorang Anggota Kongres Amerika Syarikat yang baru pulang dari Chechnya pula mendakwa bahawa tentera Russia yang berada di negara Chechnya telah membunuh dan merompak dengan sesuka hati.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Kita sambung esok.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.


Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

PARLIMEN

MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KESEMBILAN
8 JUN 1995



**TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG X
TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN**

**Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,
Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada hari ini.

Beta ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan memanda Beta, Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah diberi mandat semula oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum Kesembilan pada 25 April 1995 untuk terus mentadbir negara ini bagi tempoh lima tahun berikutnya. Pilihanraya Umum yang berlangsung baru-baru ini telah berjalan dengan lancar tanpa berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Kejayaan tersebut serta kemenangan besar Kerajaan sekarang yang diwakili oleh semua kaum membuktikan bahawa segala rancangan pembangunan negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 direstui oleh semua pihak. Beta memuji kebijaksanaan rakyat semua kaum di negara ini yang telah membuat pilihan yang bijak melalui proses demokrasi. Ini merupakan satu kejayaan Malaysia memantapkan satu proses demokrasi yang dinamis, sebagai wadah perjuangan dan pembangunan dan sebagai forum musyawarah yang dapat menyatupadukan rakyat. Malaysia kini sedang melangkah ke abad kedua puluh satu dengan penuh keyakinan sebagai salah sebuah negara paling makmur, stabil dan aman di dunia. Kini dunia mengakui dan menghormati usaha-usaha pembangunan, dasar-dasar Kerajaan yang konsisten dan berkesan serta kejayaan ekonomi Malaysia.

Sehubungan itu rakyat sekalian wajarlah bersyukur kerana negara kita dapat mengekalkan suasana yang harmoni meskipun negara ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Keputusan Pilihanraya Umum Kesembilan baru-baru ini jelas membuktikan bahawa segala laporan yang menyatakan tidak wujud perpaduan kaum di negara ini adalah tidak berasas sama sekali kerana kejayaan besar Kerajaan sekarang dalam pilihanraya umum yang baru lepas menjadi bukti sokongan padu rakyat dari segenap lapisan yang secara langsung menolak politik perkauman yang sempit. Semua pihak wajarlah terus berusaha mendorong membina kekuatan bangsa dan tidak untuk mengadu-domba dengan meniupkan api perkauman dan pelampau agama.

Beta bersyukur kerana sepanjang tahun 1994 sehingga sekarang negara kita terus dapat mengekalkan kedamaian, kemakmuran dan keadilan yang telah kita nikmati selama ini. Suasana ini adalah hasil usaha kita bersama yang harus dikekalkan. Semoga dengan kegigihan dan usaha murni ini, Allah Subhanahu Wataala akan terus memberikan limpah kurniaNya yang tidak terhingga agar wawasan negara tercapai melalui Kerajaan yang adil dan efisien.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Tahun ini merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam dan ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang pada tahap 8.9 peratus. Dengan itu, pendapatan per kapita pula dijangka meningkat kepada RM9,940. Pencapaian negara ini juga dicerminkan dalam arena perdagangan antarabangsa di mana peningkatan tahap perdagangan semakin ketara manakala barangan eksport yang berkualiti yang dipasarkan dengan meluas menunjukkan daya saing negara yang kian meningkat.

Sektor pembuatan dijangka terus berkembang dan menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar keseluruhannya dijangka meningkat kepada 32.8 peratus. Beta juga berbangga dengan kejayaan kereta nasional memperkembangkan pasaran ke lain-lain negara di Eropah.

Dalam menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian, Kerajaan Beta akan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan industri berat yang canggih di samping mengurangkan pergantungan pada tenaga asing dengan mempertingkatkan kepakaran tempatan sambil bersedia mempelajari teknologi daripada semua sumber. Kerajaan juga akan mengagihkan industri ke semua negeri di negara ini di mana keutamaan diberikan kepada industri bersih dan kurang mencemarkan alam sekitar.

Sektor perkhidmatan pula akan terus memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 44.5 peratus dalam tahun ini. Namun demikian, masih banyak yang boleh kita lakukan untuk membangunkan sektor perkhidmatan negara supaya setanding dengan negara maju pada satu masa akan datang.

Di bawah strategi Dasar Pertanian Negara sektor pertanian akan mencapai pertumbuhan yang lebih pesat berdasarkan kepada peningkatan pengeluaran komoditi bernilai tinggi dengan kemajuan proses mekanisasi dan penggunaan teknologi tinggi untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja. Pihak Kerajaan memberikan penekanan kepada pelaksanaan program-program pengeluaran bahan makanan yang lebih bersepadu bagi menambahkan lagi bekalan makanan.

Untuk mengekalkan dayatanding, usaha-usaha telah diambil dalam sektor komoditi utama bagi menggalakkan pelaburan di luar negeri secara membuka ladang-ladang dengan membawa modal dan teknologi dari Malaysia. Kita juga memilih strategi memesatkan nilai-tambah sesuatu komoditi melalui pembangunan industri hiliran dan eksport bahan diproses.

Secara keseluruhan, perdagangan luar Malaysia terus berkembang dengan pesatnya. Ini disebabkan di antara lain oleh pemulihan ekonomi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah yang merupakan pasaran utama Malaysia. Eksport dijangka bertambah dengan kadar 21.9 peratus manakala import sebanyak 20.4 peratus.

Di peringkat serantau, ASEAN telah bersetuju untuk mempercepatkan pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dari 15 tahun ke 10 tahun. Ini akan membolehkan negara-negara ASEAN mengambil peluang yang timbul daripada perkembangan perdagangan dunia yang semakin pesat. Selain itu, Kerajaan telah mempelopori Kawasan Segitiga Wilayah Utara, Kawasan Segitiga Wilayah Selatan dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur.

Dengan adanya perjanjian perdagangan antarabangsa yang menubuhkan Pertubuhan Perdagangan Sedunia, pertumbuhan perdagangan dunia akan dapat dipertingkatkan lagi di bawah sistem perdagangan yang lebih luas dan terbuka. Ini akan memberi peluang dan juga cabaran kepada Malaysia sebagai salah sebuah negara perdagangan antarabangsa yang besar di dunia. Beta berharap syarikat-syarikat Malaysia mempertingkatkan produktiviti dan daya saing mereka untuk merebut peluang-peluang perdagangan antarabangsa yang timbul dari penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Pasaran modal negara kita juga terus berkembang pesat dan kini Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan bursa saham yang terbesar di Asia Tenggara dari segi nilai saham pasaran. Bagi mengukuh dan mendalamkan lagi pasaran modal negara, beberapa tindakan berhubung dengan pengawalan dan pentadbiran telah diperkenalkan. Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti juga telah mengambil langkah-langkah untuk melindungi pelabur di samping memastikan supaya kekukuhan keseluruhan pasaran modal negara dapat dikekalkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kepesatan pertumbuhan ekonomi telah menyebabkan Malaysia mencapai gunatenaga yang penuh. Di samping itu permintaan tenaga kerja terus meningkat secara mendadak. Walaupun pekerja-pekerja asing diperlukan pada masa ini, Kerajaan akan terus mengawal dan menetapkan syarat-syarat kemasukan mereka.

Kerajaan juga akan terus berusaha menggalakkan sektor swasta supaya menukar strategi pengeluaran agar tidak bergantung kepada tenaga kerja yang banyak. Penekanan diberikan kepada usaha-usaha latihan semula dan peningkatan kemahiran supaya lebih ramai pekerja mahir tempatan dapat dilahirkan. Pendidikan teknik dan vokasional akan diberi pendekatan baru supaya sesuai dengan keperluan gunatenaga negara.

Beta berbangga dengan hubungan muhibah, persefahaman dan kerjasama yang terjalin antara pekerja dan majikan. Dalam pada itu wajarlah pihak pekerja menyedari bahawa peningkatan upah perlulah setimpal dengan peningkatan produktiviti. Sehubungan ini telah mula berlaku peningkatan upah yang tinggi berbanding peningkatan produktiviti.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang pesat, peranan dan sumbangan pihak swasta dalam membangunkan prasarana negara ini adalah penting. Di samping program untuk menyediakan lebih banyak kemudahan prasarana seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya, Kerajaan juga akan meneruskan kaedah penswastaan untuk menjimatkan perbelanjaan pembinaan prasarana.

Untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik yang besar menjelang tahun 2000, industri bekalan elektrik telah dibuka kepada pihak swasta. Selain itu, Kerajaan juga sedang giat membangunkan pembahagian gas asli untuk pengguna-pengguna menerusi projek retikulasi gas asli.

Hasrat Kerajaan untuk membina sistem rangkaian jalan raya yang terbaik di seluruh negara tercapai dengan siapnya projek Lebuhraya Utara-Selatan serta jalan raya Persekutuan di Negeri Sarawak pada tahun lepas. Pelaksanaan projek lebuhraya yang merentasi Negeri Sabah dan Sarawak hingga ke sempadan Indonesia juga sedang giat dilaksanakan.

Bagi memenuhi keperluan pertumbuhan dan pembangunan negara, Kerajaan akan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangunkan golongan usahawan terutamanya bagi mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Kerajaan juga akan terus menyediakan kemudahan perniagaan dan perusahaan yang lengkap serta garis-garis panduan yang boleh menggalakkan lagi pembangunan usahawan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan strategi dan keperluan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, Kerajaan akan terus menggiatkan program-program Penyelidikan dan Pembangunan di agensi-agensi Kerajaan serta institusi-institusi pendidikan tinggi. Program-program ini akan berteraskan kehendak pasaran dan selari dengan keperluan industri tempatan dan antarabangsa. Tumpuan juga sedang diberi bagi membangunkan industri aerospace yang memerlukan kepakaran dan teknologi tinggi.

Di dalam usaha kita mencapai taraf negara maju, kefahaman serta penghayatan budaya sains adalah perlu. Tumpuan juga dibuat ke atas sistem pendidikan dan latihan terhadap mata pelajaran sains dan teknologi di semua peringkat sekolah. Usaha juga sedang diatur bagi membolehkan rakyat menikmati siaran yang bermaklumat di dalam usaha meningkatkan pengetahuan rakyat di dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi.

Langkah-langkah Kerajaan yang tegas dari segi kewangan, fiskal dan pentadbiran telah berjaya membendung inflasi ke tahap yang rendah. Sehubungan ini Kerajaan Beta akan berusaha untuk mencapai paras inflasi sifar walaupun dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Bagi mengatasi kekangan bekalan terutama makanan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri perlulah bekerjasama menggembeling usaha ke arah mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan untuk menghasilkan keluaran makanan. Dalam masa yang sama, usaha-usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan rakyat khususnya pengguna terus dilindungi daripada amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat dan tidak beretika.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Kerajaan sentiasa berusaha mengimbangi pembangunan kebendaan dan kerohanian dengan mengukuhkan penghayatan amalan nilai-nilai murni dalam segenap bidang. Pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada pembentukan moral yang lebih berkesan akan diperluas dan diperkukuhkan. Begitu juga dengan meningkatkan lagi keupayaan dan kecakapan institusi-institusi Islam serta meluaskan lagi kefahaman dan penguasaan ilmu, kekuatan umat Islam akan bertambah kukuh dan maju. Beta percaya, penekanan secara berterusan kepada penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan dan kehidupan akan melahirkan masyarakat yang toleransi dan penyayang. Dalam pada itu, Kerajaan Beta akan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas demi memelihara hubungan persaudaraan sesama umat Islam.

Beta berharap Kerajaan akan membenters segala jenis penyelewengan dan pelampau agama demi memelihara kemurnian ajaran Islam yang sebenar dan menentukan supaya tidak ada salah tafsiran untuk kepentingan mana-mana pihak. Kerajaan juga akan mengamalkan ajaran Islam secara praktikal dengan membekalkan sistem alternatif dalam urusan kehidupan rakyat seperti perbankan tanpa faedah, takaful dan muamalat.

Beta juga sedar bahawa Kerajaan sentiasa berhemat dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan lagi tahap akauntabiliti di semua peringkat pentadbiran.

Kesinambungan perjuangan rakyat adalah bergantung kepada persiapan generasi muda sekarang. Program Rakan Muda merupakan cetusan dan terbitan dari Wawasan 2020 dalam membentuk identiti bangsa Malaysia agar mereka mempunyai pegangan nilai mulia lagi murni. Misi Rakan Muda adalah generasi muda yang merupakan penunjang dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara maju berasaskan ilmu, etika, teknologi, kerakanan, usaha, azam, iltizam dan cita-cita tinggi. Penglibatan semua jentera Kerajaan dan sokongan padu rakyat adalah perlu bagi menjayakan program ini.

Beta juga amat berbangga dengan keperihatinan Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Negara kita menjadi contoh kepada negara-negara yang baru membangun terutama kejayaan kita membangunkan kawasan luar bandar di mana kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik, air dan telefon telah dapat disediakan.

Kini hanya terdapat kelompok-kelompok kecil rakyat termiskin di kawasan-kawasan tertentu yang akan diberi tumpuan khas oleh Kerajaan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin dengan penggembelangan tenaga kesemua jentera Kerajaan.

Sebagai memenuhi impian rakyat untuk memiliki rumah sendiri, Kerajaan telah melancarkan program raksasa bagi menyediakan rumah-rumah untuk rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Kesungguhan Kerajaan untuk mencapai matlamat ini telah melibatkan peruntukan yang begitu besar. Kerajaan akan terus menggembelng tenaga bagi mengatasi masalah perumahan rakyat supaya sekaligus memelihara kos sara hidup yang rendah di negara ini. Di samping itu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pihak swasta hendaklah berkerjasama dalam menjayakan projek pembinaan rumah kos rendah untuk kepentingan rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Negara kita sudah sampai ke tahap yang lebih bererti dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Kita harus mengambil iktibar ke atas nasib negara-negara yang mengalami perpecahan kaum dan keturunan yang akhirnya membawa kepada rusuhan kaum, pembunuhan dan perang saudara yang mengakibatkan kesengsaraan kepada rakyat. Sehubungan itu Beta menyeru supaya rakyat sekalian tidak mengamalkan fahaman sempit sehingga boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Pembangunan sosial adalah merupakan satu aspek yang amat penting dalam membina tamadun baru negara maju yang diidamkan. Dalam usaha ini Beta gembira kerana di samping pencapaian ekonomi yang memberangsangkan, semangat kerjasama, kejiiran dan keperihatinan terhadap keperluan wargatua, orang cacat dan malang turut diberi keutamaan. Untuk mencapai matlamat memperkukuhkan institusi keluarga pula program-program yang menjurus ke arah memperkukuhkan kemampuan dan ketahanan keluarga dalam era pembangunan ini akan diperluaskan.

Beta juga berbangga dengan penyertaan wanita yang berkesan dalam hampir semua sektor bagi merintis perubahan dan kemajuan sosio-ekonomi dan politik.

Pada amnya, taraf kesihatan di negara ini adalah baik. Sejajar dengan matlamat meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat dengan menambahkan program-program kesihatan serta mengadakan beberapa kemudahan kesihatan baru yang lebih moden khususnya di kawasan-kawasan luar bandar serta meningkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Selaras dengan usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kerajaan akan meningkatkan usaha pemuliharaan alam sekitar. Keberkesanan Kerajaan untuk memenuhi cabaran ini bergantung kepada kesedaran dan amalan individu untuk membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Industri pelancongan di era tahun 1990an telah memperlihatkan satu kemajuan yang sungguh membanggakan apabila ianya berjaya menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara. Pada tahun 1995 ini kita memberi penekanan kepada beberapa buah destinasi utama sebagai daya tarikan kepada pelancongan berasaskan alam semulajadi, pertanian, pusat membeli-belah dan sejarah. Di samping itu adalah menjadi dasar Kerajaan supaya warisan kebudayaan dan sejarah negara dipelihara dan dikekalkan untuk generasi masa kini dan akan datang.

Negara kita akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Usaha-usaha perlu dipertingkatkan untuk menyediakan atlit yang bukan sahaja dapat membuktikan mutu dan kecemerlangan sukan di Malaysia tetapi juga menunjukkan di mata dunia tahap disiplin, kewibawaan dan semangat kesukanan yang tinggi dengan kemampuan bertanding menjuarai berbagai acara temasya.

Kecekapan dan keberkesanan yang disumbang oleh Perkhidmatan Awam di negara ini dalam melaksanakan dasar-dasar penting Kerajaan telah berjaya memelihara dan menjamin kesejahteraan rakyat. Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusan yang berorientasikan kepada kepentingan rakyat. Melalui Piagam Pelanggan, orang ramai telah diberi jaminan untuk mendapat perkhidmatan berkualiti dalam tempoh yang ditetapkan.

Beta juga amat berpuas hati dengan dasar dan peranan kita dalam hubungan luar negeri sama ada di peringkat hubungan dua hala mahupun di peringkat hubungan pelbagai hala. Dasar luar dan peranan kita dalam menangani isu-isu utama dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa dalam era selepas perang dingin ini telah meningkatkan imej negara di kalangan masyarakat dunia. Negara kita juga telah memainkan peranan sebagai jurucakap yang berkesan dalam forum-forum antarabangsa dan ianya berjaya menyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan dunia serta kemanusiaan sejagat.

Dalam bidang perundangan, adalah diperhatikan bahawa perkembangannya amat meluas dan mendalam yang meliputi juga aspek-aspek baru sejajar dengan pergolakan semasa di dalam dan di luar negara.

Sebagai langkah menjamin pelaksanaan tugas memelihara keamanan dan keselamatan negara dengan berkesan, Kerajaan akan meneruskan program modenisasi Angkatan Tentera Malaysia dengan meningkatkan profesionalisma anggota-anggotanya. Beta amat berbangga dengan penyertaan pasukan keselamatan di bawah misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pendedahan dan pengalaman tersebut akan memantapkan lagi profesionalisma pasukan keselamatan negara ini dan menaikkan imej negara.

Beta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana keadaan keselamatan negara adalah baik hasil daripada sumbangan dan peranan semua pihak termasuklah pasukan keselamatan negara. Namun begitu kita perlulah sentiasa berwaspada. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, terutama sekali rakyat jelata, untuk bersama-sama dengan Kerajaan menjayakan usaha-usaha mengekalkan keamanan yang sedang dinikmati sekarang ini agar negara akan terus membangun ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

**Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**